مَّثَلُ ٱلْجَنَّةِ ٱلَّتِى وُعِدَ ٱلْمُتَّقُونَ ۖ فِيهَآ أَنْهَٰرٌ مِّن مَّآءٍ غَيْرِ ءَاسِنٍ وَأَنْهَٰرٌ مِّن لَّبَنٍ لَّمْ يَتَغَيَّرْ طَعْمُهُۥ
وَأَنْهَٰرٌ مِّنْ خَمْرٍ لَّذَّةٍ لِّلشَّٰرِبِينَ وَأَنْهَٰرٌ مِّنْ عَسَلٍ مُّصَفًّى ۖ وَلَهُمْ فِيهَا مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ وَمَغْفِرَةٌ مِّن
رَّبِّهِمْ ۖ كَمَنْ هُوَ خَٰلِدٌ فِى ٱلنَّارِ وَسُقُوا۟ مَآءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَآءَهُمْ ﴿١٥﴾

*Perumpamaan Syurga Jannah yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa, di dalamnya ada sungai-sungai dari air yang tiada berubah rasa serta baunya dan sungai-sungai dari air susu yang tidak berubah rasanya dan sungai-sungai dari khamar yang lazat rasanya bagi peminumnya dan sungai-sungai dari madu yang disaring; dan mereka memperoleh di dalamnya segala macam buah-buahan dan keampunan dari Tuhan mereka, adakah sama dengan orang yang kekal di dalam Api Neraka dan diberi minuman dengan air yang mendidih sehingga memotong ususnya?*




# ARFA' ANWAR FI ARBA' ANHAR

## EMPAT SUNGAI TARIQAT

### MUJADDIDIYYAH, QADIRIYYAH, CHISHTIYYAH & NAQSHBANDIYYAH

*Dari Talifat Karangan:*

**Hadhrat Qutub Al-Aqtab Shah Ahmad Sa'id Naqshbandi Mujaddidi Rahmatullah 'Alaih**

*Terjemahan Melayu, Tashrih dan Tashih:*

**Hadhrat Faqir Haqir Maulawi Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi Al-Amani Naqshbandi Mujaddidi Uwaisi 'Ufiya 'Anhu**

*Terbitan dan Edaran:*

***Markaz Khaliliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah***

**1433 H / 2012 M**

Nama Kitab: Arfa' Anwar Fi Arba' Anhar

Terjemahan Daripada Kitab Asal: Arba' Anhar

Pengarang: Hadhrat Maulana Khwajah Shah Ahmad Sa'id Dehlawi Rahmatullah 'Alaih

Penterjemah: Hadhrat Maulana Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi Al-Amani Uwaisi 'Ufiya 'Anhu

Editor: Hadhrat Faqir Mohamad Tahair Naqshbandi Mujaddidi 'Ufiya 'Anhu

Terbitan Edaran:

1. Markaz Khaliliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah, Gombak
2. Khanqah Jalaliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah, Ulu Yam
3. Khanqah Habibiyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah, Kuang
4. Khanqah Khaliliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah, Gua Damai
5. Naqshbandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN KITAB

# 1. RINGKASAN AHWAL PENGARANG

Hadhrat Khwajah Shah Ahmad Sa'id Rahmatullah 'Alaihi adalah putera kepada Hadhrat Khwajah Shah Abu Sa'id Dehlawi Mujaddidi Rahmatullah 'Alaihi. Beliau adalah penyimpan rahsia-rahsia suci ilmu-ilmu Syari'at, Tariqat dan Haqiqat. Begitu juga dengan ilmu-ilmu zahir seperti Fiqh, Hadith dan Tafsir yang mana beliau telah mencapai tahap kemahiran yang sempurna. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1217 Hijrah. Hadhrat Hafiz 'Abdul Ghani Rahmatullah 'Alaih dan Hadhrat 'Abdul Mughni Rahmatullah 'Alaih adalah saudara kepada Hadhrat Shah Ahmad Sa'id Dehlawi Rahmatullah 'Alaih yang mana sifat Zuhud, Taqwa dan Riyadhah mereka adalah seiras antara satu sama lain.

Beliau telah berbai'at atas Tariqat 'Aliyyah Mujaddidiyyah dengan Hadhrat Khwajah Shah 'Abdullah Ghulam 'Ali Dehlwi Rahmatullah 'Alaih dan setelah menyempurnakan perjalanan Suluknya beliau telah berhasil mendapat Ijazat dan Khirqah Khilafat daripada Hadhrat Khwajah Shah 'Abdullah Ghulam 'Ali Dehlwi Rahmatullah 'Alaih.

Bapanya, telah memberikan beliau tarbiyah untuk kesempurnaannya yang mana semenjak kecil lagi beliau telah menghafaz Al-Quran. Beliau telah menghasilkan ilmu-ilmu Naqliyyah dan 'Aqliyyah daripada Para 'Ulama yang tiada bandingan pada zamannya seperti Hadhrat Shah Abdul Aziz Rahmatullah 'Alaihi, Maulana Fadhzal Imam Rahmatullah 'Alaihi, Mufti Sharafuddin Rahmatullah 'Alaihi dan Maulawi Rashiduddin Rahmatullah 'Alaihi. Allah Ta'ala telah mengurniakan bahagian yang besar daripada limpahan ilmu-ilmu Agama dan limpahan Faidhz Batin kepada beliau.

Hadhrat Shah Ghulam 'Ali Dehlawi Rahmatullah 'Alaih telah memberikan suatu perkhabaran yang baik berkaitan dengan beliau dan ayahanda beliau iaitu Hadhrat Shah Abu Sa'id Rahmatullah 'Alaihi dan beberapa orang iaitu Hadhrat Shah Rauf Rahmatullah 'Alaihi dan Maulawi Basharatullah Rahmatullah 'Alaihi dengan berkata,

***"Keempat-empat Hadhrat ini adalah tiang Din Muhammadi pada zaman ini."***

Sesudah kewafatan ayahandanya, Hadhrat Shah Abu Sa'id Dehlawi Rahmatullah 'Alaih beliau telah menggantikan tempat ayahandanya untuk memberikan bimbingan dan petunjuk Hidayat. Menerusi zat beliau beribu-ribu Para Penuntut Haqq dari Hindustan, Khurasan dan negara-negara yang lain telah datang untuk menuntut limpahan Faidhz darinya. Para Khulafa beliau telah tersebar sehingga ke Qandahar, Kabul dan beberapa tempat yang lain. Pada tahun 1857 Masihi telah berlaku perang menuntut kemerdekaan di India, maka beliau bersama-sama ahli keluarganya telah berazam untuk berhijrah ke tanah Hijaz dan telah pergi menerusi Lahore. Beliau telah wafat pada tahun 1277 Hijrah.

# 2. MUQADDIMAH PENGARANG



Segala puji-pujian yang tanpa had dan tidak terhitung adalah bagi Zat Allah Ta'ala yang tanpa misal. Selawat dan Salam yang tidak terhingga ke atas Futuh Ruh Penghulu Para Anbiya, Sahib ***Qaba Qausain Aw Adna***, Mentari Dhuha, Bulan Purnama, Penerang tanah jajahan Allah Ta'ala, Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Semoga untuk Baginda Selawat daripada Allah Ta'ala dan ke atas Ahli-ahli Baginda dan Para Sahabatnya dan Para Isteri Baginda. Semoga dilimpahkan berjuta-juta Selawat dan Salam. ***Amma Ba'du;***

Adapun sesudah itu, hamba La Syaik yang tidak ada apa-apa, yang buruk namanya, Darwish yang tidak berpakaian, Ahmad Sa'id Mujaddidi pada Nasab dan Tariqatnya, semoga cukuplah Allah Ta'ala bagi diriku, ingin menyatakan bahawa Hadhrat Haji Haramain Sharifain yang makbul di sisi Hadhrat Ilahi, Haji 'Alauddin Ahmad Rahmatullah 'Alaihi telah membuat permohonan bahawa meminta hamba menghuraikan tentang Muraqabat dan Isyghal yang diamalkan oleh Hadhrat Imam dan Qiblah kami, Qayyum Rabbani, Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaih dan para keturunannya di dalam Silsilah Tariqat ini.

Dengan merasakan bahawa diriku bersifat tiada berkelayakan maka permohonan tersebut tidak dapat daku tolak permintaan mereka. Maka daku telah memilih dari Kalam Para Masyaikh dari keempat-empat Silsilah lalu menghuraikan Azkar dan Asyghal mereka dan daku menamakan risalah ini sebagai ***"Arba' Anhar"*** yang bererti **"Empat Sungai."**

Semoga Allah Ta'ala mengurniakan Taufiq dan hendaklah kita memohon dariNya. Daku telah menyusun risalah ini di atas empat sungai. Sungai yang pertama adalah Tariqah Syarifah Mujaddidiyah dan menjelaskan ***Isyghal*** dan ***Muraqabat.***

# 3. TARIQAT MUJADDIDIYYAH

Ketahuilah bahawa Hadhrat Qayyum Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaih yang tarikh dan tahun kelahirannya adalah pada 14 Syawal 971 Hijrah dan wafatnya pada tahun 1034 Hijrah bahawa di sisi beliau, Insan adalah keterhimpunan daripada Sepuluh Latifah. Lima darinya bertakluk dengan ***Alam Amar*** dan lima yang lain bertakluk dengan ***Alam Khalaq.*** Lataif yang bertakluk dengan Alam Amar adalah Qalb, Ruh, Sirr, Khafi dan Akhfa. Asal bagi kelima-lima Lataif ini adalah di atas ***'Arash Majid*** yang bertakluk dengan ***La Makaniyyat*** yakni kewujudan yang tiada bertempat. Dengan Qudrat Allah Ta'ala yang sempurna, Dia telah mengamanahkan ***Jawahir Mujarradah*** atau Lataif ini kepada Jasmani Insan pada beberapa tempat. Dengan sebab takluk-takluk Duniawi dan tuntutan Syahwat Nafsani, kesemua Lataif ini telah menjadi lupa terhadap markaz asal-usulnya sehinggalah seseorang Syaikh Kamil dan Mukammil memberikan Tawajjuh kepadanya yang mana dengan Tawajjuh tersebut, seseorang mulai menyedari tentang asal-usulnya dan mulai cenderung ke arahnya yakni ke arah asalnya iaitu di atas 'Arash. Kurniaan Ilahi dan pendekatan terhadapNya akan terzahir sehingga Salik sampai ke arah asal-usulnya. Kemudian, dia akan menuju ke arah asal bagi asalnya. Dan begitulah seterusnya di akan terus meningkat sehingga Salik akan sampai ke ***Hadhrat Zat Bahat*** yang kosong dari sebarang Sifat dan Shuyunat dan Maha Suci Dia. Kemudian Salik akan berhasil mencapai Baqa yang sempurna.

Lima Lataif Alam Khalaq adalah Latifah Nafs dan Empat Lataif yakni Empat Anasir pada badan insan iaitu Air, Api, Angin dan Tanah. Asal bagi setiap Latifah Alam Khalaq adalah salah satu daripada Latifah Alam Amar iaitu:

1) Asal bagi Latifah Nafs adalah asal bagi Qalb
2) Asal bagi Latifah Angin adalah asal bagi Ruh
3) Asal bagi Latifah Air adalah asal bagi Sirr
4) Asal bagi Latifah Api adalah asal bagi Khafi
5) Asal bagi Latifah Tanah adalah asal bagi Akhfa

Seterusnya hendaklah diingat juga bahawa setiap satu Lataif ini mempunyai cahaya Nur yang berbeza-beza warnanya iaitu:

1) Nur bagi Latifah Qalb adalah Kuning
2) Nur bagi Latifah Ruh adalah Merah
3) Nur bagi Latifah Sir adalah Putih
4) Nur bagi Latifah Khafi adalah Hitam
5) Nur bagi Latifah Akhfa adalah Hijau

Sesudah melakukan Tazkiyah, Nur pada Latifah Nafs pada pendapatku adalah tanpa warna, yakni ianya tidak ada sebarang warna. Pada Latifah ini, setiap satu Latifah adalah daripada Para Anbiya Ulul 'Azmi dan berada di bawah telapak kaki mereka yang diberkati.

Adapun:
1) Latifah Qalb berada di bawah telapak kaki Hadhrat Adam 'Alaihissalam.
2) Latifah Ruh berada di bawah telapak kaki Hadhrat Nuh dan Ibrahim 'Alaihimassalam.
3) Latifah Sirr berada di bawah telapak kaki Hadhrat Musa 'Alaihissalam.
4) Latifah Khafi berada di bawah telapak kaki Hadhrat Isa 'Alaihissalam.
5) Latifah Akhfa berada di bawah telapak kaki Hadhrat Khatim Nabiyyin Wa Sayyid Al-Mursalin Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Di sini, Para Masyaikh Hadhrat Naqshbandiyyah Rahmatullah 'Alaihim telah memberikan amalan-amalan untuk mengislahkan pertama-tama sekali pada Latifah Alam Amar dan untuk maksud tersebut Hadhrat Para Masyaikh telah menetapkan tiga jalan:

1) Zikir Ismu Zat dan Nafi Itsbat
2) Muraqabah
3) Bersuhbat dengan Syaikh Kamil

## 3.1 Zikir Ismu Zat

Zikir Ismu Zat hendaklah dilakukan seperti berikut, bahawa lidah hendaklah ditemukan ke langit-langit dan mengosongkan hati dari sebarang khayalan lalu menganggap seolah-olah bahawa Buzurg yang diambilkan Zikir daripadanya sedang duduk di hadapannya. Kemudian dengan menggunakan lidah hati, hendaklah menyebut lafaz ***Allah Allah*** pada Latifah Qalb yang kedudukannya berada di bawah tetek kiri pada jarak dua jari ke arah ketiak. Hendaklah mengkhayalkan mafhum sebutan ***Allah Allah*** yakni bahawa Dia adalah Zat yang bersifat dengan segala sifat-sifat yang sempurna dan suci dari segala sifat-sifat kekurangan. Pada kebanyakan waktu, hendaklah berusaha untuk sentiasa berzikir secara berterusan sehingga zikir berjalan di dalam hatinya. Sesudah itu hendaklah berzikir pada Latifah Ruh yang kedudukannya bertentangan dengan Latifah Qalb iaitu di bawahnya tetek kanan pada kadar dua jari ke arah ketiak. Kemudian, hendaklah berzikir pada Latifah Sirr yang tempatnya selaras dengan tetek kiri dengan kadar dua jari arah ke tengah dada. Kemudian berzikir pada Latifah Khafi yang tempatnya selaras dengan tetek kanan dengan kadar dua jari arah ke tengah dada. Kemudian Latifah Akhfa yang tempatnya tengah-tengah dada. Hendaklah berzikir pada Latifah-latifah tersebut sehingga kelima-lima Lataif berjalan dengan Zikir.  Sesudah itu, hendaklah berzikir pada Latifah Nafs yang tempatnya di tengah-tengah dahi. Kemudian, berzikir pada Latifah Qalibiyyah iaitu Lataif Empat Anasir yang tempat kedudukannya adalah pada seluruh jasmani insane yang mana hendaklah dilakukan Zikir pada Empat Lataifnya sehingga ke seluruh zarah-zarah tubuh badannya berjalan dengan Zikirullah dan walau ke mana sahaja dia berada, Zikir akan tetap berjalan dalam dirinya. Ianya dinamakan sebagai Sultan Al-Azkar. Ketahuilah bahawa setiap Latifah Alam Amar terdapat asalnya di atas 'Arash. Selagi Tawajjuh Latifah Alam Amar belum sampai ke asalnya, Salik tidak akan berhasil mencapai Fana. Memerhatikan asal-usul ini adalah dengan menerusi amalan Muraqabat.

Adapun:

1) Asal Qalb adalah Tajalli Af'aliyyah Ilahi
2) Asal Ruh adalah Tajalli Sifat Tsubutiyyah Ilahi
3) Asal Sirr adalah Tajalli Shuyunat Zatiyyah Ilahi
4) Asal Khafi adalah Tajalli Sifat Salbiyyah Ilahi
5) Asal Akhfa adalah Tajalli Shan Jami' Ilahi

# Muraqabah Latifah Qalb

Muraqabah pada Latifah Qalb adalah dilakukan seperti berikut, bahawa Latifah Qalb dirinya hendaklah diletakkan seolah-olah sedang berada berhadapan dengan Latifah Qalb Mubarak Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam seraya memohon ke Hadhrat Al-Bari Ta'ala:

***"Ya Allah, limpahan Faidhz Tajalliyyat Af'aliyyah dari Latifah Qalb Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa-Aalihi Wa-Ashabihi Wabaraka Wasallam sebagaimana yang telah sampai pada Latifah Qalb Hadhrat Nabi Adam 'Alaihissalam, sampaikanlah limpahannya pada Latifah Qalbku."***

Fana Latifah Qalb adalah dalam Tajalliyyat Af'aliyyah iaitu dalam memerhatikan penzahiran serta paparan tindakan dan perbuatan Haqq Ta'ala pada Qalbnya. Dalam marhalah ini Salik akan melihat bahawa segala Af'al perbuatan dirinya dan segala Af'al perbuatan seluruh makhluk menjadi tersembunyi melainkan yang terzahir hanyalah Af'al tindakan perbuatan Allah Ta'ala sahaja. Wilayat Qalb ini dinamakan sebagai Wilayat Adam 'Alaihissalam dan seseorang Salik yang berhasil mencapai Wilayat ini dinamakan sebagai ***Adami Musharab.*** Seterusnya hendaklah melakukan Muraqabah pada Latifah Ruh.

# Muraqabah Latifah Ruh

Muraqabah pada Latifah Ruh adalah dilakukan seperti berikut bahawa Latifah Ruh dirinya hendaklah diletakkan seolah-olah sedang berada berhadapan dengan Latifah Ruh Mubarak Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam seraya memohon ke Hadhrat Al-Bari Ta'ala:

***"Ya Allah, limpahan Faidhz Tajalliyyat Sifat Tsubutiyyah dari Latifah Ruh Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa-Aalihi Wa-Ashabihi Wabaraka Wasallam sebagaimana yang telah sampai pada Latifah Ruh Hadhrat Nabi Nuh 'Alaihissalam dan Hadhrat Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, sampaikanlah limpahannya pada Latifah Ruhku."***

Seseorang yang sampai Wasil yakni berhasil mencapai Ma'rifat Ilahi menerusi Latifah Ruhnya adalah digelar sebagai ***Ibrahimi Musharab.*** Pada waktu ini Salik akan menafikan segala sifat-sifat pada dirinya dan segala sifat pada seluruh makhluk dan menisbatkan segala sifat tersebut kepada Zat Allah Ta'ala. Sesudah itu, dilakukan Muraqabah pada Latifah Sirr.

# Muraqabah Latifah Sirr

Muraqabah Latifah Sirr adalah seperti berikut, bahawa hendaklah meletakkan Latifah Sirr dirinya di hadapan Latifah Sirr Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam seraya memohon:

***"Ya Allah, limpahkanlah Faidhz Shuyunat Zatiyyah dari Latifah Sirr Hadhrat Nabi Muhammad Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa-Aalihi Wa-Ashabihi Wabaraka Wasallam yang telah sampai ke Latifah Sirr Hadhrat Nabi Musa 'Alaihissalam, sampaikanlah kepada Latifah Sirrku"***

Seseorang yang sampai Wasil Ilahi, yakni sampai kepada Allah menerusi Latifah Sirr ini, dia dinamakan sebagai ***Musawi Musharab.*** Pada waktu ini, Salik akan mendapati zatnya Fana dalam Zat Haqq Ta'ala. Sesudah itu dilakukan Muraqabah pada Latifah Khafi.

# Muraqabah Latifah Khafi

Muraqabah Latifah Khafi adalah seperti berikut: Bahawa hendaklah meletakkan Latifah Khafi dirinya di hadapan Latifah Khafi Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam seraya memohon:

***"Ya Allah, limpahkanlah Faidhz Sifat Salbiyyah dari Latifah Khafi Hadhrat Nabi Muhammad Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa-Aalihi Wa-Ashabihi Wabaraka Wasallam yang telah sampai ke Latifah Khafi Hadhrat Nabi 'Isa 'Alaihissalam, sampaikanlah kepada Latifah Khafiku"***

Seseorang yang sampai ke maqam ini dia dinamakan sebagai ***'Isawi Musharab.*** Pada maqam ini. Pada maqam ini, Salik akan dipersaksikan tentang ***Munfarad*** Keesaan dan ***Mujarrad*** ketunggalan Hadhrat Haqq Ta'ala mengatasi seluruh 'Alam. Kemudian dilakukan Muraqabah pada Latifah Akhfa.

# Muraqabah Latifah Akhfa

Muraqabah Latifah Akhfa adalah seperti berikut, bahawa hendaklah meletakkan Latifah Akhfa dirinya di hadapan Latifah Akhfa Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam seraya memohon:

***"Ya Allah, limpahkanlah Faidhz Shan Jami' yang telah dilimpahkan kepada Latifah Akhfa Hadhrat Nabi Muhammad Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa-Aalihi Wa-Ashabihi Wabaraka Wasallam, sampaikanlah kepada Latifah Akhfaku."***

Seseorang yang Wasil sampai ke Maqam ini, dia dinamakan sebagai ***Muhammadi Musharab.*** Pada Maqam ini Salik akan bernasib baik mencapai ciri yang dimafhumkan dengan sabdaan,

***"Berakhlaqlah kamu dengan akhlaq-akhlaq Allah."***

**Syair:**

***Tidak diketahui bahawa kekasih hendakkan siapa***
***Dan kecenderungannya adalah terhadap siapa***

# 3.2 Zikir Nafi Itsbat

Tariqah Zikir Nafi Itsbat adalah seperti berikut:

1) Pertama-tama sekali hendaklah menahan nafas dibawah pusat
2) Dengan lidah khayalan mengucapkan kalimah ***LA*** dari bawah pusat dan membawanya hingga ke otak.
3) Lafaz ***ILAHA*** dibawa ke bahu kanan
4) Lafaz ***ILLA ALLAH*** dilalukan ke atas kelima-lima Latifah, lalu menghentakkan ke Qalb dengan kuat dan bersungguh-sungguh, bahawa kesan zikir tersebut sampai ke seluruh Lataif
5) Mengucapkan lafaz ***MUHAMMADUR RASULULLAH Sallallahu 'Alaihi Wasallam*** ketika melepaskan nafas menerusi lidah khayalan.

Mengkhayalkan makna zikir adalah suatu syarat bahawa selain Zat Haqq, tiada suatu pun yang menjadi maksud.

1) Ketika menyebut ***LA ILAHA*** hendaklah menafikan Hasti kewujudan dirinya dan seluruh kewujudan yang lain, dan ketika mengitsbatkan ***ILLA ALLAH*** hendaklah diisbatkan Zat Hadhrat Haqq Ta'ala.
2) Ketika melakukan zikir ini, adalah dengan lidah khayal dan dengan penuh kerendahan dan kelemahan diri dan dengan penuh rasa kebergantungan memohon ke Hadhrat Bari Ta'ala dengan munajat bahawa, ***"Ya Allah, Engkau adalah maksudku dan keredhaanMu adalah tuntutanku. Dikau kurniakanlah cinta Mahabbat dan pengenalan MakrifatMu kepadaku."*** Diri hendaklah bertawajjuh kepada Qalb dan Qalb hendaklah bertawajjuh ke Hadhrat Ilahi.


Perlulah dilakukan kedua-dua perkara ini, kerana penghasilan nisbat adalah mustahil tanpa perkara tersebut. Tawajjuh pada Qalb ini dinamakan sebagai ***Wuquf Qalbi.*** Kemudian, adalah perlu juga dilakukan bahawa hati hendaklah dijauhkan dari sebarang khayalan dan was-was supaya segala khayalan ini tidak dapat mengatasi dirinya. Ianya dinamakan sebagai ***Nigah Dashat.*** Menahan nafas ketika berzikir adalah berfaedah. Antara faedahnya adalah kehangatan hati, Shauq dan Zauq, kelembutan hati, cinta Mahabbat, terhindarnya segala khayalan serta was-was dan dengannya juga boleh terhasil Kashaf. Dalam melakukan Zikir Nafi Itsbat hendaklah mengamalkan dan memerhatikan pada bilangan yang ganjil. Ianya dinamakan sebagai ***Wuquf 'Adadi.*** Cara Zikir Nafi Itsbat yang telah dinyatakan telah diajarkan oleh Hadhrat Nabi Khidir 'Alaihissalam kepada Hadhrat Khwajah 'Abdul Khaliq Ghujduwani Rahmatullah 'Alaih. Dalam satu nafas, dari 1 sehingga 21, jikalau sampai ke bilangan 21 dan tiada melihat sebarang faedah, maka amalnya adalah batil. Hendaklah memulakan semula dari mula dengan memerhatikan syarat-syaratnya dengan baik dan melakukannya dengan bersungguh-sungguh secara berterusan. Tariqah yang kedua adalah ***Muraqabah*** yang maksudnya adalah bahawa tanpa zikir dan tanpa Rabitah Syaikh, hendaklah memelihara hati dari khayalan yang fasid dan hendaklah bertawajjuh dengan bersungguh terhadap Allah Ta'ala. Tadbir cara melakukannya adalah bahawa dengan merasa kelemahan diri, hendaklah bertawajjuh ke Hadhrat Zat Ilahi pada setiap waktu supaya bertawajjuh kepada Allah Ta'ala menjadi suatu adat baginya tanpa kesukaran. Ianya juga dinamakan sebagai ***Hudhur*** dan merupakan maksud zikir.

## 3.3 Bersuhbat dengan Syaikh Kamil

Tariqah ketiga adalah bersuhbat dengan Syaikh Kamil dan Mukammil, bahawa menuntut faedah limpahan Faidhz menerusi ***Suhbat*** dengannya. Dengan Tawajjuh Syaikh dan keberkatan ikhlasnya, hati akan menjadi suci dari Ghaflat kelalaian. Jazbah cinta Mahabbat dan kilauan cahaya-cahaya Musyahadah Ilahi akan menerangi batin para Salik. Ketika berada bersama Syaikh, hendaklah beradab dan menggembirakan hatinya dan berfikir ke arah tersebut. Ketika ketiadaannya, hendaklah menggambarkan dirinya bahawa murid akan mendapat limpahan Faidhz. Para Masyaikh telah berkata bahawa jalan ini adalah suatu jalan yang menyampaikan kapada maksud dengan mudah dan ianya dinamakan sebagai ***Rabitah***.

## 3.4 Daerah Imkan

Sesudah semua amalan-amalan dan Isyghal ini dilakukan, apabila hati sudah mencapai Hudhur dan Jam'iyyat dan lebih kurang empat jam tiada sebarang khatrah dan was-was dalam hati, maka ini adalah tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Salik sudah menempuh Daerah Imkan yang di sisi Para Masyaikh dikatakan sebagai Daerah Pertama. Sebahagian Para Masyaikh telah melihat cahaya-cahaya dan telah menempuh daerah ini dan menyatakan tanda-tandanya bahawa separuh bahagian pertama Daerah Imkan adalah dari bumi sehingga ke 'Arash dan separuh bahagian kedua adalah dari 'Arash sehingga ke atas-atasnya. Alam Khalaq berada di bawah 'Arash dan gambarannya adalah seperti berikut:




**Rajah 1: Daerah Imkan**

## 3.5 Muraqabah Ma'iyyat Daerah Wilayat Sughra

Sesudah melakukan kegiatan sughal, Salik hendaklah menyibukkan dirinya dalam Muraqabah pada ayat Al-Quran:

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ

***"Dan Dia bersama dengan kamu di mana saja kamu berada."***

Hendaklah dikhayalkan makna ayat ini bahawa kebesertaan Ma'iyyat dengan Allah Ta'ala adalah dengan diriku dan seluruh Zarrah Kainat. Pada maqam ini, menyebut kalimah ***LA ILAHA ILLA ALLAH*** dengan lisan iaitu Zikir Tahlil Lisani dengan cara bahawa Tawajjuh Salik hendaklah terhadap Qalb dan Tawajjuh Qalb adalah terhadap Allah Ta'ala sambil memerhatikan makna akan memberikan banyak faedah. Dalam Muraqabah ini, mansha Faidhz adalah Daerah Wilayat Sughra dan limpahan Faidhz adalah warid pada Latifah Qalb. Daerah Wilayat Sughra adalah daerah yang kedua dan ianya dinamakan sebagai ***Daerah Zhil Bayanganl Asma dan Sifat Allah Ta'ala.*** Pada maqam ini, Salik akan berhasil melakukan Sayr dalam ***Tajalliyyat Af'aliyyah Ilahiyyah.*** Pada martabat ini juga, akan terhasil Tauhid Wujudi, Shauq dan Zauq, tangisan dan kesedihan, Istighraq ketenggelaman dalam Zat Haqq pada setiap waktu, Mahwiyyat bersendirian terhadap Allah Ta'ala dengan Tawajjuh yang sempurna, terhindarnya sebarang khayalan Masiwa selain daripada Allah Ta'ala dan ianya juga dinamakan sebagai Fana Qalb. Apabila Tawajjuh Salik ke arah atas menjadi hilang dan terputus, dia akan merasa dirinya diliputi dari keenam-enam arah dan akan berlaku Tazkiyah pada Nafs yang kedudukannya di antara 2 kening. Maka dia sampai ke Wilayat Kubra, iaitu Wilayat Para Anbiya dan akan mula bersiar di dalamnya.

## 3.6 Muraqabah Daerah Wilayat Kubra

Daerah Wilayat Kubra mengandungi tiga daerah dan satu Qaus. Pada ***Daerah Pertama Wilayat Kubra*** hendaklah melakukan Muraqabah pada mafhum ayat Al-Quran:

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ

***'Dan Kami adalah lebih dekat kepadanya dari urat lehernya'***

Niatnya hendaklah dilakukan seperti berikut:

***"Dari Zat yang lebih dekat dengan urat leherku, Faidhz sedang terlimpahpadaku. Mansha Faidhz adalah Daerah Pertama Wilayat Kubra dan Mawrid Faidhz pada Latifah Nafs dan lima Lataif Alam Amar."***

Pada martabat ini, menyebut kalimah ***LA ILAHA ILLA ALLAH*** dengan lisan iaitu ***Zikir Tahlil Lisani*** dan mengkhayalkan syarat-syaratnya akan memberikan peningkatan. Dengan Tawajjuh yang sempurna kepada Allah Ta'ala, khatrah dan was-was dapat dihindarkan.

Begitu juga 'Uruj dan Nuzul dan pada Qalb, akan berlaku suatu kaifiyat yang khas, bahkan secara perlahan-lahan kaifiyat tarikan tersebut akan tertarik sehingga sampai ke seluruh badan. Pada martabat ini, nisbat hal keadaan dan kaifiyat Latifah Qalb adalah tanpa warna dan tanpa rasa. Apabila nisbat martabat ini sudah menjadi kuat pada Latifah Nafs, maka kesedaran tentang Qalb akan hilang.

# Daerah Kedua Wilayat Kubra

Pada daerah ini dilakukan Muraqabah pada makna ayat Al-Quran:



***"Dia mencintai mereka dan mereka juga mencintaiNya."***

Sambil memerhatikan serta memikirkan pengertian makna dengan menggambarkan bahawa, ***"Dari Zat yang mengasihiku dan daku mengasihiNya, limpahan Faidhz sedang terlimpah pada Latifah Nafsku. Mansha tempat terbit Faidhz adalah Daerah yang kedua Wilayat Kubra, iaitu Asal bagi Daerah Pertama. Mawrid Faidhz terlimpah pada Latifah Nafs."***

# Daerah Ketiga Wilayat Kubra

Pada daerah ini dilakukan Muraqabah pada makna ayat Al-Quran:



***"Dia mencintai mereka dan mereka juga mencintaiNya."***

Sambil memerhatikan serta memikirkan pengertian makna dengan menggambarkan bahawa, ***"Dari Zat yang mengasihiku dan daku mengasihiNya, limpahan Faidhz sedang terlimpah pada Latifah Nafsku. Mansha tempat terbit Faidhz adalah Daerah yang ketiga Wilayat Kubra, iaitu Asal bagi Daerah Kedua. Mawrid Faidhz terlimpah pada Latifah Nafs."***

# Daerah Qaus Wilayat Kubra

Pada daerah ini dilakukan Muraqabah pada makna ayat Al-Quran:



***"Dia mencintai mereka dan mereka juga mencintaiNya."***

Sambil memerhatikan serta memikirkan pengertian makna dengan menggambarkan bahawa, ***"Dari Zat yang mengasihiku dan daku mengasihiNya, limpahan Faidhz sedang terlimpah pada Latifah Nafsku. Mansha tempat terbit Faidhz adalah Daerah Qaus Wilayat Kubra, iaitu Asal bagi Daerah Ketiga. Mawrid Faidhz terlimpah pada Latifah Nafs.***

Ketiga-tiga asal-usul ini adalah iktibar bagi Zat Haqq Ta'ala yang merupakan permulaan bagi Sifat dan ShuyunatNya.

Syair:

***Bagi setiap hijab yang telah ditempuh***
***Terdapat hijab lagi yang perlu ditempuh***

Pada maqam yang tinggi ini, Salik akan dapat menghasilkan perkara-perkara berikut:

1) Dadanya akan terbuka yang diistilahkan sebagai Sharah Sadr.
2) Mencapai maqam Sabar dan Syukur.
3) Redha dengan Qadha dan Qadhar dan tiada lagi keraguan tentangnya.
4) Menerima segala ahkam Syariat tanpa memerlukan dalil. Bagi perkara-perkara yang memerlukan tuntukan dalil, kesemuanya menjadi Badihi dan akan berhasil mencapai ketenteraman dalam apa-apa hal keadaan.
5) Keyakinan yang sempurna terhadap segala janji-janji Allah akan mula terhasil dalam dirinya.
6) Nafs akan menjadi ***Istihlak*** dan ***Idhzmihlal*** yakni rasa berasa binasa dan terserap sebagaimana ais yang menjadi cair di tengah matahari.
7) Tauhid Shuhudi akan mula datang dalam kesedarannya.
8) "Ana" yakni keakuan diri akan mati dan Salik mendapati bahawa kewujudannya adalah ibarat bayang bagi kewujudan Haqq dan menganggap kewujudannya adalah sebagai menuruti kewujudan Haqq Ta'ala.
9) Apabila lafaz "Aku" sukar untuk digunakan kepada dirinya sendiri, maka dia menganggap dirinya sebagai Majaz dan menganggap bahawa segala niatnya hanya layak untuk dicela dan menganggap segala amalannya serta kekurangan.
10) Akhlak-akhlak yang terpuji akan mula terzahir dan akhlak-akhlak yang buruk seperti tamak haloba, bakhil, hasad dengki, khianat, takabbur dan sebagainya akan ditazkiyahkan.

Sesudah menempuh Daerah Wilayat Kubra dan melakukan Sayr pada ***Isim Az-Zahir,*** maka Salik akan menempuh Sayr dan Suluk pada Isim Al-Batin. Sayr ***Isim Al-Batin*** dinamakan sebagai ***Wilayat 'Ulya*** yang merupakan Wilayat Para Malaikat yang mulia.

## 3.7 Muraqabah Daerah Wilayat Ulya

Pada Wilayat 'Ulya, kegiatan adalah berlaku pada tiga anasir kecuali unsur Tanah yakni Api, Air dan Angin. Di dalam Muraqabah Wilayat 'Ulya, hendaklah direnungkan tentang Zat Bari Ta'ala yang dinamakan dengan Isim Al-Batin. Mansha Faidhz terbit dari Daerah Wilayat 'Ulya. Melakukan Zikir kalimah ***LA ILAHA ILLA ALLAH*** dan melakukan banyak Solat Nawafil akan menghasilkan peningkatan. Di dalam daerah ini, akan terhasil Tawajjuh Hudhur dan 'Uruj serta Nuzul yang pada ketiga-tiga anasir dan akan berlaku keajaiban di dalam batin dan keluasan serta kesesuaian dengan Para Malaikat yang tinggi dan boleh jadi Malaikat akan terzahir pada dirinya. Rahsia yang hanya layak untuk disembunyikan akan mulai diketahui olehnya. Sesudah menempuh Sayr pada Isim Az-Zahir dan Isim Al-Batin, maka Salik seolah-olah sedang bersiar menuju maksud yakni Zat Bahat yang Maha Tulen akan dipermudahkan untuknya. Sesudah menempuh Wilayat 'Ulya, jika terhitung dalam pergurniaan Ilahi, maka seorang Salik itu pertama sekali akan melakukan Sayr dalam ***Kamalat Kamalat Nubuwwat***.

## 3.8 Muraqabah Daerah Kamalat

Daerah Kamalat terdiri daripada Kamalat Nubuwwat, Kamalat Risalat dan Kamalat Ulul 'Azmi. Yang dituntut dari ***Kamalat Nubuwwat*** ini adalah ***Tajalli Zati Daimi*** tanpa purdah Asma dan Sifat. Pada maqam ini hendaklah dilakukan Muraqabah terhadap Zat Bahat yang merupakan Mansha Kamalat Nubuwwat dan Mawrid Faidhz adalah pada Latifah Tanah. Pada maqam yang ajaib ini, dengan menempuh satu titik darinya adalah lebih baik daripada seluruh Maqamat Wilayat. Akan terhasil padanya, kehadiran Hudhur yang tanpa arah. Sentiasa berjaga-jaga mengawasi hatinya, akan terhindar darinya Shauq yang tidak terkawal dan akan terhasil yakin menerusi maqam ini. Ini adalah maqam bagi Ma'rifat yang mana di sini hal keadaannya adalah terasa serba kekurangan. Pengertian makna ayat Al-Quran, ***"Pandangan juga tidak dapat menanggapinya."*** Di antara tanda-tanda pada Maqam Kamalat Nubuwwat adalah bahawa Idrak atau kefahaman di sini menjadi terhapus, tidak mengetahui tentang Nisbat Batin dan tidak menghiraukannya. Dan Haqiqat ***Wusul 'Uryani*** akan terhasil pada maqam ini. Pada maqam ini, yang berlaku hanyalah Wusul dan tiada lagi Husul.

**Syair:**

***Ikatan perhubungan tanpa Kaifiyat dan tanpa Qiyas***
***Adalah ikatan perhubungan Rabb An-Nas yang beserta dengan jiwa An-Nas***

Yakni, Tuhan manusia dan diri manusia itu, di antara kedua-duanya, terdapat suatu perhubungan yang sukar untuk difikirkan dan adalah tanpa kaifiyat. Pada maqam ini akan terhasillah kesucian Qalb dan ketenteraman yang sempurna, Ittiba' menuruti Syari'at Muhammadiyyah, keluasan dalam Nisbat Batin dan terhasillah tanpa warna dan tanpa kaifiyat.

Ma'rifat-ma'rifat pada maqam ini adalah merupakan Syari'at bagi Para Anbiya 'Alaihimussolatu Wassalam kerana ini adalah merupakan maqam Para Anbiya 'Alaihimussolatu Wassalam dan orang-orang selain mereka yang bukan Nabi dapat mencapai maqam ini menerusi ikutan dan perwarisan terhadap Para Anbiya 'Alaihimussolatu Wassalam. Tauhid Wujudi dan Quyubi yang merupakan makrifat-makrifat di dalamnya akan ditinggalkan di tengah jalan.

Sesudah itu melakukan ***Muraqabah Kamalat Risalat*** dengan niat bahawa, ***"Dari Zat Bahat iaitu Mansha Kamalat Khas Risalat sedang terlimpah limpahan Faidhz ke atas Haiat Wahdaniku."*** Apabila kesemua Sepuluh Lataif mencapai kesempurnaan dan telah teguh, ianya dinamakan sebagai Haiat Wahdani yang mana 'Uruj dan Nuzul dan tarikan Jazbah adalah pada bahagian seluruh tubuh badan. Dengan memperbanyakkan tilawat Quran Majid dengan qiraat yang panjang dalam solat Nawafil akan memberikan peningkatan rohaniah pada Kamalat Tsalatsah.

Begitu juga pada ***Haqaiq Sab'ah*** iaitu Tujuh Haqiqat-haqiqat yang mana penjelasannya akan dijelaskan nanti. Pada martabat ini juga, akan berlakulah kaifiyat tanpa warna dan tanpa kaifiyat. Kesemua maqamat ini di dalam lautan Zat Bahat Haqq Ta'ala yang tidak bertepi adalah seumpama ombak bagi ZatNya yang Maha Agung dan Maha Tinggi. Sesudah itu, melakukan Muraqabah menuntut limpahan Faidhz ke atas Haiat Wahdani dari Zat Bahat iaitu ***Mansha Kamalat Ulul 'Azmi.***

## 3.9 Muraqabah Daerah Haqaiq Ilahiyyat

Sesudah itu, dilakukan ***Muraqabah Haqiqat Ka'abah*** dengan cara bahawa limpahan Faidhz dari Zat Wajib Al-Wujud yang seluruh mumkinat bersujud kepadaNya iaitu mansha Hakikat Ka'abah Rabbani sedang terlimpah pada Haiat Wahdaniku. Salik akan diperlihatkan akan ***'Azmat*** keagungan dan ***Kibriya*** kebesaran Allah Ta'ala dan pada batin Salik akan ditenggelami dengan kehebatan Haqq Ta'ala. Apabila Fana dan Baqa sudah terhasil pada martabat yang suci ini, maka Salik akan mendapati bahawa dirinya bersifat dengan sifat-sifat tersebut dan merasakan bahawa seolah-olah mumkinat sedang memberikan Tawajjuh terhadap dirinya.

Sesudah itu, dilakukan ***Muraqabah Haqiqat Quran Majid*** bahawa, ***"Limpahan Faidhz dari Zat Yang Sempurna dan Maha Luas tanpa kaifiyat iaitu Mansha Haqiqat Quran Majid sedang terlimpah pada Haiat Wahdaniku."*** Rahsia-rahsia batin Kalam Ilahi akan terzahir pada maqam ini dan pada pandangannya akan mendapati bahawa setiap huruf dari Kalam Allah Ta'ala itu mengandungi makna ibarat sungai yang tidak ada penghujungnya. Di sini, maksud utamanya akan terhasil ketika seorang Qari membaca Al-Quran pada lidahnya terdapat hikmah syajarah Musawi dan Qari akan mendapati bahawa seluruh Qalibnya menjadi lidah untuk membaca Al-Quran. Tanda terzahirnya cahaya nurani Al-Quran ke atas batin seseorang Arif adalah akan berlaku waridnya seumpama suatu bebanan yang berat.

Makna ayat Al-Quran:

إِنَّا سَنُلۡقِى عَلَيۡكَ قَوۡلاً ثَقِيلاً ﴿٥﴾

***"Sesungguhnya Kami (Allah) akan menurunkan perkataan yang berat kepadamu." [73:5]***

Ayat ini mengisyaratkan kepada hakikat ini. Pada martabat yang suci ini juga, terdapat satu martabat yang lebih tinggi yang dinamakan ***Haqiqat Solat.*** Melakukan ***Muraqabah Haqiqat Solat*** adalah dengan cara Salik hendaklah berniat bahawa limpahan Faidhz dari Zat yang tanpa misal, Maha Sempurna dan Maha Luas yang tanpa kaifiat iaitu mansha Haqiqat Solat sedang terlimpah pada Haiat Wahdaniku. Berkenaan dengan maqam yang tinggi ini, bagaimana hendak dijelaskan kerana ***Haqiqat Quran Majid*** adalah suatu bahagian darinya dan ***Haqiqat Ka'abah*** adalah bahagian kedua darinya. Sesiapa di kalangan Salik yang dapat mencapai ***Haqiqat Solat*** ini, maka ketika dia melakukan Solat dia akan Fana meninggalkan dunia ini dan sedang masuk ke dalam Alam Akhirat. Di dalam Hadits Syarif dinyatakan bahawa:

***"Hendaklah kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya."***

Kefahamannya akan diperolehi di dalam maqam Haqiqat Solat ini secara sepenuhnya. Berkenaan dengan hal yang mulia ini, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

***"Solat itu adalah Mikraj orang Mukmin."***

Dan juga Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

***"Saat paling hampir seorang hamba dengan Allah ialah ketika dia sujud."***

Jikalau tidak diperintahkan perintah Solat, maka siapakah yang dapat menyelak tabir wajah Allah Ta'ala yang dimaksudkan dan siapakah yang akan memimpin para penuntut kepada apa yang dituntut? Dengan Solat, akan memberikan kelazatan bagi orang yang sedang kegelisahan dan menerusi Solat juga akan memberikan kerehatan bagi orang sedang kesakitan. Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda:

***"Ya Bilal, rehatkan kami dengan Solat."***

Hadits ini mengisyaratkan tentang Haqiqat Solat tersebut. Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam juga pernah bersabda:

***"Penyejuk mataku adalah dalam Solat."***

Hadits ini juga memandu kita ke arah Haqiqat Solat. Apabila orang ramai tidak menyedari tentang Haqiqat Solat maka kerana itulah suatu golongan dari Para Sufi, untuk mencapai Idhztirab dan menuntut ketenangan limpahan Faidhz dan untuk mencapai apa yang dituntut mereka adalah menerusi Sima' dan Wajad and Tawajjad. Kerana itulah mereka telah menjadikannya sebagai adat.

Jikalau suatu rahsia dari kesempurnaan Solat terzahir ke atas mereka, maka sudah tentu mereka tidak akan sekali-kali akan ingat untuk melakukan Sima', Wajad dan Tawajjad. Di atas Haqiqat Solat, adalah martabat ***Ma'budiyyat Sirfah*** yang merupakan asal bagi seluruh Haqaiq Ilahiyyah. Pada martabat ini, akan terzahir keluasan dan kekurangan pada diri sendiri. Ketika ini, Sayr Qadami telah tamat. Akan tetapi Alhamdulillah, Para Masyaikh tidak menegah untuk melakukan Sayr Nazari dengan pemerhatian. Sayr Qadami tidak diperlukan lagi, yakni langkahan kaki tidak akan menyampaikan Salik pada kesedarannya tentang Ma'budiyyat Sirfah. Bahkan dengan Sayr Nazari, limpahan Faidhz boleh diambil menerusi pemikiran kerana pemerhatian Nazari boleh sampai ke setiap tempat.

**Syair:**

***Adalah suatu bala,***<br>***Jika perkara ini tidak berlaku.***

Pada martabat ini dilakukan Muraqabah limpahan Faidhz dari Zat Mahadhz iaitu ***Mansha Ma'budiyyat Sirfah.***

***"Berhenti wahai Muhammad, sesungguhnya Tuhan berselawat kepadamu."***

Yakni suara yang didengar oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam ketika perjalanan Mi'raj menuju Allah Ta'ala selepas Baginda berpisah dengan Jibrail 'Alaihissalam. Kemungkinan mengisyaratkan kepada maqam ini supaya berhenti melakukan Sayr Qadami, yakni baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam berhenti dan langkah kakinya tidak maju kehadapan kerana di atas martabat hakikat adalah martabat Tajarrud dan Tanzihah, kesucian Hadhrat Haqq Ta'ala bahawa di sana langkahan kaki tidak dibenarkan untuk dibawa bersama dan tidak diperlukan lagi.

Pada maqam ini akan tersingkap haqiqat kalimah ***LA ILAHA ILLA ALLAH*** dan menafikan segala pengabdian terhadap Masiwa dan akan terhasil pada maqam ini Salik mencapai suatu keyakinan yang sempurna bahawa tiada satu pun yang layak disembah melainkan Ma'bud Haqiqi dan akan terpisah antara 'Abid dan Ma'bud.

Maka, kalimah ***LA ILAHA ILLA ALLAH,*** jika dinisbatkan dengan golongan Para Muntahi, adalah ***LA MA'BUD ILLA ALLAH*** yakni tiada yang disembah melainkan Allah, ianya dapat diketahui pada maqam ini. Sebagaimana untuk Para Mubtadi, dengan nisbat ***LA MAWJUD ILLA ALLAH*** dan golongan Para Mutawassit dengan nisbat ***LA MAQSUD ILLA ALLAH.***

Pada maqam yang Muqaddas ini, peningkatan Nazari dan kecepatan Basirah adalah terkandung di dalam amalan Solat. Ketahuilah bahawa, ***Sayr Haqiqat Ilahiyyah*** habis sehingga di sini. Kini, untuk meningkat dari Haqiqat ini adalah didasarkan hanya dengan kurnian dan Fadhzal Allah Ta'ala. Sekarang akan diperjelaskan tentang ***Haqaiq Anbiya.***

## 3.10 Muraqabah Daerah Haqaiq Anbiya

Peningkatan pada Maqam Haqaiq ini adalah tertegak di atas kecintaan Mahabbat terhadap Sayyid Al-Abrar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagaimana Hadhrat Haqq Ta'ala telah menjadikan zat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai KekasihNya. Begitu juga Allah Ta'ala mengasihi segala sifat dan af'alnya. Maka kecintaan Mahabbat itu terbahagi kepada dua iaitu:

1) **Muhibbiyyat** iaitu yang mengasihi.

2) **Mahbubiyyat** iaitu yang dikasihi.

Penzahiran kesempurnaan ***Mahabbat Zatiyyah*** adalah di dalam Haqiqat Nabi Musa Kalimullah 'Alaihissalam; dan penzahiran ***Kamalat Sifati*** yakni kesempurnaan sifat-sifat dan kecintaan terhadap yang dicintai pada NamaNya atau ***Mahbubiyyat Asma-i*** adalah di dalam Haqiqat Ibrahimi Khalilullah 'Alaihissalam dan beberapa Para Anbiya yang lain. Oleh kerana itu pertama sekali Salik hendaklah bersiar di dalam Kamalat Sifati dan Haqiqat Ibrahimi, bahawa maqam ini adalah ***Maqam Khullat*** secara 'Inayahnya dan di sinilah permulaannya. Pada Maqam ***Haqiqat Ibrahimi*** ini Muraqabah dilakukan seperti berikut, ***"Bahawa limpahan Faidhz dari Hadhrat Zat iaitu Mansha Haqiqat Ibrahimi sedang terlimpah pada Haiat Wahdaniku."*** Maqam ini sangatlah ajaib dan mengandungi banyak keberkatan. Para Anbiya yang mulia adalah pengikut Hadhrat Nabi Ibrahim Khalilullah 'Alaihissalam dan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam juga telah diwajibkan menerusi ayat Al-Quran yang mulia supaya menuruti serta mengikuti Millah Ibrahim 'Alaihissalam secara Hanif sepertimana firmanNya:

***"Hendaklah kamu menuruti Millah Ibrahim dengan Hanif."***

Maka Hadhrat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah diperintahkan untuk mengikuti Millah Ibrahim 'Alaihissalam dengan meninggalkan segala maksud yang selain Allah Ta'ala. Kerana itulah, Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam di dalam Selawat terhadap diri Baginda telah menyerupai permohonan Selawat sebagaimana yang telah dilimpahkan ke atas Nabi Ibrahim 'Alaihissalam. Adapun Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah mengajarkan ummatnya untuk membacakan Selawat Ibrahimi yang bermaksud:

**Selawat Ibrahimi**

Dengan membaca Selawat Ibrahimi pada maqam ini akan menghasilkan peningkatan dan pada Salik akan terbentuklah suatu kejinakan yang khas dan khalwat dengan Hadhrat Zat Haqq Ta'ala. Dan pada Mahbubiyyat Sifati yang pada Alam Majaz dita'birkan dengan pencirian-pencirian tentang Sifat-sifat akan mula datang pada diri Salik. Setelah menempuh maqam ini Salik akan bersiar di dalam ***Haqiqat Musawi*** yang merupakan kinayat iaitu nama gelaran bagi ***Muhabbat Sirfah.***

Muraqabah dilakukan seperti berikut: ***"Bahawa limpahan Faidhz dari Hadhrat Zat iaitu Mansha Hadhrat Musawi sedang terlimpah pada Haiat Wahdaniku."***

Pada maqam ini akan terzahir suatu kaifiyat yang ajaib dengan sangat kuat. Penzahiran Kamalat Muhibbiyyat yakni Muhabbat Zati adalah dengan ciri ***Istighna*** dan ***Bey Niyazi.*** Ianya adalah kerana pada sebahagiaan keadaan akan terbit keluar kalimah-kalimah perkataan yang pernah diungkapkan oleh Hadhrat Nabi Musa 'Alaihissalam tanpa sebarang kesukaran. Adapun Allah Ta'ala menukilkan kalam perkataan Hadhrat Nabi Musa 'Alaihissalam lalu telah berfirman:

**"Ianya melainkan fitnah untukmu."**

Pada maqam ini dengan mengkhususkan Selawat ke atas Nabi Musa 'Alaihissalam akan menghasilkan peningkatan:

***"Ya Allah, limpahkanlah Selawat ke atas Sayyidina Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Ahli-ahlinya dan Para Sahabatnya dan ke atas sekalian Para Anbiya Mursalin khususnya ke atas KalimMu Nabi Musa 'Alaihissalam."***

Di atas maqam ini, adalah martabat Haqiqatul Haqaiq, yakni Haqiqat bagi segala Haqiqat yang dikatakan sebagai **Haqiqat Muhammadiyah**. Pada maqam ini, Muraqabah dilakukan seperti berikut bahawa, ***"Limpahan Faidhz dari Hadhrat Zat yang Muhib dan Mahbub dan Mansha Haqiqat Muhammadi sedang terlimpah pada Haiat Wahdaniku."***

Seolah-olah, dapat diketahui dari penamaan nama Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang mengandungi dua huruf Mim adalah mengisyaratkan kepada ciri ***Muhibbiyyat*** dan ***Mahbubiyyat.*** Pada maqam yang Muqaddas ini, akan terhasilllah Fana dan Baqa secara khas. Di dalam urusan Diniyyah mahupun urusan Duniawiyah akan dipermudahkan baginya untuk merasakan suatu jenis penyatuan yang khas dengan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Dan makna perkataan ***Rafa' Tawassut*** yang diucapkan oleh para Akabirin Awliya akan terzahir pada maqam ini. Dan warna-warna ***Tabi'*** dan ***Matbu'*** yang mengikut dan yang diikuti akan berlakulah suatu penyerupaan seolah-olah kedua-duanya minum dari satu mata-air yang sama dan kedua-duanya dianggap sebagai beserta bersama-sama dan kedua-duanya seolah-olah berada di atas satu katil yang sama, baik dalam kemarahannya atau kesyukurannya.

Akan berlakulah suatu darjah kecintaan Mahabbat dengan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bahawa Imam Tariqat Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Rahmatullah 'Alaih telah menzahirkan makna perkataan ini dengan mengatakan bahawa:

***"Daku mengasihi Allah Azza Wa Jalla adalah kerana Dia adalah Rabb Muhammad Sallahu 'Alaihi Wasallam."***

Pada maqam ini Salik dalam setiap urusan Diniyyah mahupun urusan Duniawiahnya, dalam setiap gerak dan diamnya akan timbul keghairahan dengan sempurna untuk menuruti Hadhrat baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Dengan memperbanyakkan Selawat akan menghasilkan peningkatan pada maqam ini.

Martabat ***Haqiqat Muhammadi*** adalah penzahiran yang awal. Ianya dinamakan juga sebagai Haqiqat Al-Haqaiq kerana keseluruhan Haqaiq sama ada Haqaiq Anbiya maupun Haqaiq Malaikat adalah seumpama bayangan Zhill bagi Haqiqat Al-Haqaiq. Sesudah Haqiqat Muhammadi, peningkatan Salik adalah di dalam menempuh ***Daerah Haqiqat Ahmadi***. Pada martabat ini, Muraqabah dilakukan seperti berikut bahawa: ***"Limpahan Faidhz dari Hadrat Zat iaitu mansha Haqiqat Ahmadi sedang terlimpah pada Haiat Wahdaniku."***

Pada maqam yang tinggi ini iaitu Daerah Haqiqat Ahmadi, nisbat yang baru akan meneggelamkannya dengan cahaya-cahaya Nur dan akan berlakulah kaifiyat yang ajaib dan pelik yang mana ianya di luar dari sebarang penjelasan dan penulisan. Pada maqam ini, ***Mahbubiyyat Zati*** akan tersingkap. Yang dimaksudkan oleh ***Mahbubiyyat Zati*** adalah segala pandangan terhadap Sifat telah terputus dan hanya memandang terhadap Zat dan mencintaiNya. Berkenaan dengan ***Mahbubiyyat Sifati*** sudah dinyatakan penjelasannya bahawa pada Mahbub yang dikasihi terdapat beberapa sifat-sifat yang mana dengan sebab tersebut ianya dicintai. Walaubagaimanapun, urusan ini adalah berlaku secara Zauq. Selagi mana tidak mencapai Zauq yakni merasai kecintaan Mahabbat, maka urusan ini tidak akan terhasil padanya.

Pada martabat ini, dengan membacakan Selawat akan menghasilkan peningkatan padanya. Selawatnya adalah seperti berikut:

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلٰى اٰلِهٖ وَ اَصْحَابِهٖ
اَفْضَلَ صَلَوَاتِكَ عَدَدَ مَعْلُوْمَاتِكَ وَ بَارِكْ وَ سَلِّمْ كَذَالِكَ

***"Ya Allah, limpahkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan SelawatMu yang terafdhal sebanyak bilangan maklumatMu dan limpahkanlah keberkatan dan kesejahteraan ke atasnya."***

# 3.11 Penjelasan Dari Maktubat Hadhrat Mujaddid

Sekarang, sebagai penjelasan tentang maqam ini akan dihuraikan beberapa baris perkataan dari Maktubat Hadhrat Qayyum Rabbani Mujaddid Alf Tsani Rahmatullah 'Alaih. Beliau telah berkata bahawa, Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam kita telah dinamakan dengan dua nama. Kedua-dua nama Baginda yang Mubarak telah dinyatakan dalam Quran Majid.

Yang pertama adalah ***Muhammad Rasulullah*** dan yang kedua adalah ***Ismuhu Ahmad.*** Dan Wilayat bagi kedua-dua nama yang Mubarak ini adalah berasing-asingan. Meskipun Wilayat Muhammadi terbit dari Maqam Mahbubiyyat Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan tetapi pada maqam ini ciri Mahbubiyyat Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bukan sekadar Mahbubiyyat, akan tetapi, ianya lebih dengan sifat kecintaan Mahabbat padanya. Meskipun kecenderungan sifat kecintaan Mahabbat ini secara asalnya tidak tsabit pada Baginda, akan tetapi pada maqam Mahbubiyyat ini tidak terhalang daripada memiliki sifat mencintai.

Dan Wilayat Ahmadi adalah suatu ciri Mahbubiyyat, bahawa di sini kecintaan Mahabbat tiada lagi sebarang keraguan tentang cinta. Dan Wilayat Ahmadi ini adalah lebih dekat dengan Zat yang dimaksudkan berbanding dengan Wilayat Muhammadi yang sebelumnya dengan iktibar hanya satu marhalah dihadapannya bagi Muhib yang mencintai, ianya adalah sangat ghairah terhadapnya kerana pada Mahbub yang dicintai meskipun memiliki ciri-ciri Mahbubiyyat yang sempurna dan padanya terdapat kesempurnaan sifat Istighna dan Bey Niyazinya, pada pandangan Muhib, ianya nampak lebih terhias dan banyak kecantikannnya. Dan selalunya Muhib akan menarik Mahbub ke arahnya dan menjadikannya dalam kalangan firqahnya.

**Syair:**

***Bagi diriku segala perhiasan duniawi tidaklah membawa bencana;***
***Bahkan ketidak-hirauanNya terhadapku adalah musibah terbesar.***

Yang dimaksudkan dengan musibah dan bala adalah berlebih-lebihan dalam asyik, bahawa Mahbub menjadi sebagai 'Asyiq yang mengasihi. Subhanallah! Betapa Shan Isim ***Ahmad*** bahawa ia terbit dari Kalimah Muqaddasah iaitu ***Ahad*** dan bulatan huruf ***"Mim"*** yang mengandungi rahsia-rahsia Ilahi yang dalam telah dihimpunkan padanya. Allah Ta'ala pada alam yang tanpa kaifiyat tidak perlu untuk menzahirkan diriNya pada alam yang berkaifiat ini, bahkan rahsia-rahsia tersembunyi ditakbirkan tanpa bulatan huruf ***"Mim"***. Jika perlu, maka Allah Ta'ala akan mentakbirkan dirinya menerusi huruf ***"Mim***. Dia adalah ***Ahad,*** tiada yang bersekutu denganNya. Dan bulatan huruf ***"Mim"*** adalah menunjukkan kepada 'Ubudiyyat bahawa hamba dapat dibezakan dari tuannya. Maka bagi seorang hamba, ianya adalah bulatan ***"Mim"*** dan lafaz ***Ahad*** adalah untuk mengagungkanNya dan bagi menzahirkan kekhususiatNya. Maka semoga limpahan Selawat dari Allah ke atas diri Baginda dan Ahli Keluarga Baginda.

**Soalan:**

Para Masyaikh telah menyatakan tentang Fana dan Baqa dan mengaitkan Wilayat dengannya. Jadi apakah maksudnya? Fana dan Baqa pada Ta'ayyun Muhammadi sebagaimana yang telah dinyatakan apakah maknanya?

**Jawab:**
Fana dan Baqa itu yang mana Wilayat dikaitkan dengannya adalah Fana dan Baqa pada shuhud. Jikalau Fana datang, maka ianya diiktibarkan secara Nazar pemerhatian. Dan jika Baqa diitsbatkan, maka ianya juga diiktibarkan secara Nazar pemerhatian. Yang dimaksudkan di sini adalah tersembunyinya sifat-sifat manusiawi Bashari dan ianya tidak hilang. Fana pada Ta'ayyun bukanlah sedemikian bahkan pada maqam ini sifat kemanusiawian Bashariyyah akan terhindar dan sifat wujudi akan datang padanya. Dan dari jasadnya akan berlaku Takwin Ruh. Dan Baqa pada Ta'ayyun ini meskipun pada hamba tidak menjadi Al-Haqq dan tidak juga keluar dari daerah kehambaan bahkan menjadi sangat dekat dengan Hadhrat Haqq, akan berlakulah Ma'iyyat yang bersangatan. Dia akan mula menjauhkan diri darinya sendiri dengan menafikan segala hukum-hukum manusiawi padanya.

## 3.12 Daerah Maqam Hubb Sirfah dan Maqam La Ta'ayyun

Sesudah menempuh ***Martabat Haqiqat Ahmadi***, datanglah ***Maqam Hubb Sirfah.*** Pada maqam ini, dilakukan Muraqabah terhadap Zat yang merupakan mansha Hubb Sirfah. Pada maqam ini, kesempurnaan ketinggian dan tanpa warna adalah suatu perkara yang lazim. Ianya sangat dekat dengan Zat Mutlaq dan La Ta'ayyun kerana perkara pertama yang dizahirkan dari Zat Mutlaq adalah Muhabbat kecintaan. Muhabbat inilah merupakan mansha bagi penzahiran dan permulaan bagi penciptaan seluruh makhluqat. Dari Hadits Qudsi Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Allah Ta'ala berfirman,

***"Daku adalah suatu khazanah yang tersembunyi, Daku suka untuk dikenali. Maka Daku menciptakan makhluk agar daku dikenali."*** Apa yang kami nyatakan telah dijelaskan oleh Nas Qati'iy ini. Dan pada asalnya, inilah Haqiqat Muhammadi. Apa sahaja yang dijelaskan sebelum in adalah bayangan Zhill baginya. Dalam Hadits Qudsi:

***"Wahai Muhammad, jikalau bukan kerana engkau maka tidak daku ciptakan langit dan jikalau tidak kerana engkau tidak Daku zahirkan RububiyyatKu."***

Hadits ini juga mengisyaratkan kepada amar ini. Fahamkanlah dengan baik dan janganlah tergolong di kalangan orang yang berputus asa. Ini adalah maqam yang telah dikhususkan dengan Hadhrat Sayyid Al-Awwalin Wal-Akhirin Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Haqaiq Para Anbiya yang lain tidak terdapat pada maqam ini. Sesudah itu, terdapat ***Maqam La Ta'ayyun*** dan ianya merupakan martabat Itlaq Hadhrat Zat bahawa di sana tidak diperlukan lagi membawa langkahan kaki yakni tiada Sayr Qadami. Walaubagaimanapun yang ada hanyalah Sayr Nazari dan sesungguhnya Hadhrat Zat tiadalah penghujung bagiNya. Pada pandangan Nazar Salik, bahawa dia adalah lemah dan menjadi lebih hairan. Maqam ini dikhaskan untuk Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Muraqabah pada maqam ini, dilakukan dengan mengambil limpahan Faidhz dari Hadhrat Zat yang mengatasi segala Ta'ayyunat ketentuan-ketentuan.

# 3.13 Dua Pembimbing Ruhaniku

Inilah secara ringkasnya penjelasan bagi Maqamat yang mana Allah Ta'ala dengan kemuliaanNya yang sejati telah memberikan kurniaanNya ke atas Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Rahmatullah 'Alaih dan telah meninggikan dirinya serta telah menganugerahkan satu jalan Tariqat yang baru kepadanya. Yang demikian itu adalah semata-mata Fadhzal kekurniaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Subhanahu Wa Ta'ala adalah Maha Pengurnia lagi Maha Agung. Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Rahmatullah 'Alaih dan para puteranya yang mulia dan sekalian Para Khulafa yang tinggi martabatnya, Para 'Ulama yang besar dan para bijak pandai telah mencapai pencapaian yang tinggi dalam menempuh Maqamat Qurb pendekatan terhadap Allah Ta'ala. Adapun hamba yang zarrahnya tidak berharga dan tiada apa-apa, dan tidak dapat diambil sebarang apa-apa iktibar darinya telah mengambil pertunjuk dari dua orang Syaikh Burzurg dan Wali Qutub yang sempurna. Yang pertamanya adalah ayahandaku, penghidup Sunnah Nabawiyyah, yang memutuskan Bida'ah, yang merupakan pemilik rahsia Tariqat dan Haqiqat, Istiqamahnya bagaikan gunung, yang mendapat kejayaan di kedua-dua alam, penghulu kami, asbab pemberi Hidayat kepada kami, Hadhrat Shah Abu Sa'id Sahib Dehlawi semoga Allah Ta'ala mengekalkan segala petunjuknya di atas kepala para penuntut dengan berterusan. Semenjak azali namanya adalah Sa'id. Sa'adat kejayaan adalah langkahnya yang pertama. Pada hari ini, dengan beliau menuruti segala petunjuk hidayat Pir Murshidnya, beliau telah berjaya sehingga beribu-ribu penuntut Haqq dari serata pelususk dunia bagaikan semut telah datang hadir ke Astana beliau menuntut limpahan Faidhz darinya. Beliau telah menghidupkan dan menyebarkan Syari'at Muhammadi sebagaimana yang telah dilakukan oleh para datuk-datuknya. Ya Allah tambahkanlah, maka tambahkanlah dan banyakkan ikhwan kami dalam agama ini. Yang keduanya adalah Qutub segala Qutub, Syaikh golongan tua dan golongan muda, Mujaddid Abad ke-13 Hijrah, Naib Rasul, Khalifah Tuhan, penghidup Syari'at Muhammadi, 'Alim Rabbani, Mahbub Samadani, Imam kami, Qiblah kami, Murshid kami, asbab pemberi Hidayat kepada kami, Hadhrat Shah Abdullah yang masyhur dikenali sebagai Shah Ghulam 'Ali Dehlawi An-Naqshbandi Ahmadi semoga Allah melimpahkan Rahmat ke atas beliau dan semoga keberkatan Faidhzannya berterusan ke atas kami. Hadhrat Maulana Khalid Rumi yang merupakan khalifah beliau yang paling sempurna dan Khalifah yang paling Buzurg telah mencapai Qabuliyyat di negara Arab, Rom dan Syam serta masyhur. Darinya telah terzahir banyak keramat dan perkara yang mencarik adat. Beliau adalah tempat rujukan bagi para pencari Haqq dari kalangan golongan khawas mahupun awam. Beliau telah mengarang sebuah Qasidah memuji Hadhrat Murshidnya, antara beberapa Syair beliau yang dapat diingati adalah seperti berikut:

***Beliau adalah pemimpin para Wali, pelita bagi Para Awliya, pembimbing para pemimpin,***
***Qiblah dan Ka'abah bagi Ruhani Para Buzurg, pelita dunia, mentari ilmu,***
***Pemerhati kunci khazanah Ma'rifat, pengembara di jalan Allah,***
***Pemegang amanah rahsia-rahsia Ilahi, namanya adalah 'Abdullah.***
***Dengan berkat Tawajjuhnya, batu hitam pun boleh memiliki khasiat delima Badakhsan.***
***Dengan keberkatan haruman nafasnya yang mulia, Hindustan telah menjadi Yaman,***
***Seolah-olah nafasnya menyerupai nafas Rahmani.***

***Meskipun beliau menetap di Delhi dan melakukan segala usahanya di situ,***
***Akan tetapi, usaha yang dilakukannya itu telah sampai dari satu hujung dunia,***
***Ke hujung dunia menyampaikan limpahan Nurani.***
***Dari kalangan jenis insani, tiada seorang pun yang serupa dengannya.***
***Dengan limpahan Faidhz beliau, mentari tidak menghias sebarang dakwaan penguasa dunia,***
***Dengan keagungan dan kebesaran beliau, langit tiada kedudukan yang sama dengannya.***
***Di tempat penginapannya, udara tidak berjalan dengan perlahan.***
***Dengan Himmat beliau, gunung akan runtuh di hadapannya.***

Jikalau terdapat Ustaz dari zaman dahulu masih hidup pada zaman ini, maka sudah tentu, mereka akan datang dan duduk berlutut di dalam majlis beliau. Segala Ma'rifat Para Masyaikh yang telah dijelaskan dalam berates-ratus kitab tidak dapat menandingi Ma'rifat beliau. Dan seluruh Buzurg di sisi beliau adalah seumpama penuntut sekolah. Begitu banyak orang-orang seperti Hadhrat Bustami dan Hadhrat Mansur berada di lorong-lorong Khanqahnya. Akan tetapi, dengan ketinggian martabat beliau, tidak pernah pun keluar perkataan ***"Ana Al-Haqq"*** dari mulutnya. Para Aqtab di zaman dahulu yang banyak dihiasi dengan berbagai dakwaan adalah seumpama kegelapan jika dibandingkan dengan cahaya bulan yang lebih bersinar. Ruhaniyyat beliau jika dibandingkan dengan Para Arwah yang lain menjadi rendah, bahawa mereka tidak boleh sampai walau sehingga ke kota fikirannya. Dengan Tawajjuhatnya, beliau telah mencapai kecemerlangan di dalam semua Maqamat Mujaddidi dan dengan persediaan yang lemah pada diriku, beliau telah memberikan kaifiyat bagi setiap maqam dan keberkatannya. Dan cahaya Nur berbeza-beza yang sebahagian rahsianya hanya layak untuk disembunyikan, yang mana hamba tidak diperintahkan untuk menjelaskannya. Subhanallah! Dengan kekuatan Tawajjuh Hadhrat Pir Dastagirku, yang mana hatiku dan diriku dikorbankan untuknya, bagaimana hendak daku menjelaskan bahawa beliau apabila memberikan Tawajjuh pada sesuatu maqam, maka dapatlah diketahui bahawa dari maqam tersebut, diangkatkannya lalu memberikannya kepada daku yang lemah ini. Atau dengan kerendahan kedudukanku yang hina ini, beliau telah mengangkat daku hingga menyampaikan daku ke maqam yang lebih tinggi. Dengan ingatan dan kasih sayang Hadhrat Pir, daku yang bukan ahli ini telah berlaku suatu keadaan yang mana jika seluruh umurku dan seluruh rambut-rambutku dijadikan sebagai penyapu untuk membersihkan Astananya, dengan amalan tersebut pun, masih belum dapat untuk daku tunaikan hak-hak Tarbiyah yang telah diberikannya.

**Syair:**

***Jikalau seluruh zarrah-zarrah diriku dijadikan sebagai lidah,***
***Maka ribuan kebaikanMu satu kesyukuran pun tidak dapat ku tunaikan***

Pada suatu hari, beliau telah berkata kepadaku,

"Duduklah hampir kepadaku dan hendaklah membacakan Surah Al-Fatihah dan menghadiahkannya kepada Para Masyaikh Kibar dan bertawajjuhlah ke arahku."

Daku telah melihat bahawa Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Hadhrat Mujaddid Alf Tsani dan Khazin Ar-Rahmah, Syaikh Ahmad Sa'id, Hadhrat 'Urwah Al-Wutsqa, Hadhrat Muhammad Ma'asum telah datang dan di tempat Hadhrat Pir Dastagir, Hadhrat Mujaddid Alf Tsani telah duduk di tempatnya.

Di atas kepala Hadhrat Mujaddid yang Mubarak dengan beberapa jarak di atasnya adalah kedudukan Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam sedang memberikan Tawajjuhnya ke atas hamba yang haqir ini. Ianya berlaku seperti berikut bahawa:

***"Faidhz Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam terlimpah pada Hadhrat Mujaddid dan seterusnya sedang sampai kepada hamba yang hina ini."***

Dan kepada hamba yang zarahnya tidak ada apa-apa pun ini, sedang disinari dengan limpahan cahaya. Pada waktu itu segala kaifiyat yang ajaib dan yang pelik yang telah terhasil, ianya tidak dapat dijelaskan walaupun dengan huraian dan tidak dapat dituliskan. Daku berada dalam keadaan sebegini sehingga begitu lama dan berada dalam kebingungan dan daku telah tenggelam di dalam sungai nisbat yang khas. Di dalam Halqah ini, bapaku yang dihormati dan bapa saudaraku yang mulia, Hadhrat Shah Rauf Sahib Rahmatullah 'Alaih yang merupakan antara Khalifah agung bapaku yang dihormati dan beliaulah yang telah menghimpunkan Malfuzat dan Maktubat Hadhrat Pir Dastagir.

Begitu juga Sayyid Isma'il Madani Rahmatullah 'Alaih yang telah mendapat isyarat ghaib dari Baginda Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam untuk menghasilkan nisbat batin telah hadir berkhidmat dengan Hadhrat Pir Murshid. Beliau berada sewaktu dalam keadaan Muraqabah pada waktu Subuh apabila Musyahadah ini, daku hadapkan kepada Hadhrat Pir Murshid, maka beliau telah membenarkannya. Akan tetapi beliau memerintahkan agar menyembunyikannya. Maksud daku menjelaskan peristiwa ini adalah sebagai menzahirkan Tasarruf dan kekuatan Hadhrat Pir Murshid bahawa betapa Allah Ta'ala telah memberikan martabat dan maqam yang tinggi kepadanya. Kewujudan beliau yang diberkati adalah sebagai suatu tanda dari keseluruhan Ayat Ilahi dan suatu Rahmat dari rahmat-rahmat Allah Ta'ala yang tidak bertepi. Di dalam alam ini, tiada sebarang misal yang dapat dinyatakan tentangNya, sebagaimana wujudnya burung garuda di barat.

## 3.14 Pengurniaan Ijazat Tariqat

Ketika Hari Raya Korban, di dalam jemaah umum di hadapan Hadhrat Pir, beliau telah memakaikan kepada hamba yang hina ini dengan sebuah Kullah khas, serban dan sehelai pakaian kurta dan mengurniakan daku Ijazat dan telah berdoa untuk beberapa lama, lalu berkata:

***"Syukur dan Ihsan kepada Allah Ta'ala, bahawa dengan inayat Hadhrat Pir Murshid dan dengan keberkatan Tawajjuh, telah terhasillah Nisbat Khandan Silsilah yang mulia ini. Dan Allah Ta'ala juga yang berkuasa di atas perkara ini bahawa semoga Allah Ta'ala memberikan kejayaan di atas martabat ini kepada beliau sebagaimana yang diharapkan di dalam hatinya."***

Pepatah Arab ini sentiasa daku wiridkan perkataannya di lidahku,

***"Jadilah Engkau sebagai Tuhanku sebagaimana Engkau dengan Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan jadikanlah diriku bagiMu sebagaimana Engkau telah jadikan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam untukMu."***

Hatiku juga suka untuk menbaca Syair ini:

***Daku sentiasa inginkan dalam keadaan berharap daku menjadi tanah***
***Dan berada di telapak kakiMu.***
***Di antara seluruh kainat ini, hanya Engkau menjadi maksudku.***
***Matiku untuk diriMu, Wahai Ma'budku wahai Maulaku,***
***Daku tidak memiliki suatu amal pun disisiku***
***Yang layak untuk penerimaan Qabuliyyat di sisiMu.***
***Malaikat penulis di sebelah kananku tiada kerja dan telah terhenti pekerjaannya***
***Kerana tiada amal pun yang layak untuk dituliskan.***
***Malaikat penulis disebelah kiriku begitu berjaga-jaga bahawa dari kepala sehingga ke kaki,***
***Samada daku tenggelam di dalam lautan maksiat***
***Dan sentiasa memperingatkanku tentang dosa-dosa.***
***Dengan beratnya dosa-dosaku, daku tenggelam kemudian daku timbul lalu hadir.***
***Jikalau Dikau membimbingku, maka ke manakah hendak daku tegakkan kakiku.***
***Daku mengharapkan keampunan dari Kelemah-lembutan dan KemuliaanMu***
***Kerana Dikau telah melarang berputus asa dari RahmatMu.***

**Syair:**

***Semenjak dari azali lagi,***
***Dikau telah memerhatikan kaifiatku dan dengan wujudku yang penuh 'aib ini,***
***Dikau telah menjadikanku hambamu,***
***Dikau mengetahui tentand diri dan tentang ke'aibanku.***
***Sesiapa yang Dikau sukai, Engkau memulakan perjalanannya.***
***Wahai Allah, keampunanmu lebih luas dari dosa-dosaku***
***Dan rahmatmu jika dibandingkan dengan amalan ku***
***Adalah seumpama padang Sahara.***
***Perjalankanlah diriku dengan perjalanan Suluk***
***Yang menharapkan rahmatmu dan mencari bayangan shanmu.***
***Janganlah Dikau menghalang apa sahaja yang perlu dan penting bagiku.***

**Syair:**

***Daku berada dalam kerunsingan dan kesedihan hati,***
***Memikirkan tentangnya, janganlah dilakukan,***
***Maka kurniakanlah sahaja.***
***Beratus kisah yang serupa di dalam purdah,***
***Jadi, janganlah bimbang, maafkanlah sahaja.***
***Jikalau daku bertanya tentang sesuatu amalan,***
***Maka daku menjadi malu.***
***Wahai Akramul-Akramin,***
***Janganlah ditanya apa sebabnya.***
***Cukuplah, kurniakanlah sahaja.***

# 3.15 Selepas Kewafatan Pir Murshid

Sesudah kewafatan Pir Murshid Rahmatullah 'Alaih, daku telah melihat 'Inayat kekurniaan beliau terhadap diriku yang mana apabila sahaja daku mengalami sebarang kesukaran, daku pun hadir di Maqam beliau dan memohon doa dan perkara yang sukar itu dapat diselesaikan. Sekali dalam mimpi daku telah melihat bahawa daku duduk hampir dengan Hadhrat Syaikh dan Hadhrat Syaikh sedang memberikan Tawajjuhnya kepada diriku. Kesan daripada Tawajjuhnya yang mulia dalam diriku sehingga daku merasa menggigil dan resah. Adakalanya daku condong ke arahnya dan adakalanya ke arah yang lain. Pada waktu itu, terzahir suatu jisim yang halus seperti cahaya mentari yang kilauan cahayanya meliputi seluruh majlis dan menjadikan majlis tersebut bercahaya.

Setelah memberikan Tawajjuh, Hadhrat Syaikh berkata kepada hamba yang tidak ada apa-apa ini,
"Adakah kamu tahu nisbat apakah yang daku telah berikan Tawajjuh kepadamu?"

Daku berkata,
"Ianya suatu nisbat yang baru yang namanya tidak ku ketahui."

Kemudian Hadhrat Syaikh berkata,
"Kepadamu telah daku berikan kuraniaan yang lebih tinggi dan mulia dari ***Nisbat 'Ashqi***."

Juga daku telah melihat suatu martabat bahawa dalam sebuah masjid, terdapat suatu Ijtimak yang besar yang mana Hadrat Pir Murshid rah. sebagai ketua majlis. Ayahandaku yang mulia juga turut hadir dan beliau memohon kepada Hadhrat Pir Murshid, "Wahai Tuan, padaku ada gandum." Seseorang telah berkata, "Ianya hendaklah dibahagi-bahagikan kepada para faqir miskin."

Selain daripada itu, tiada apa lagi yang tinggal. Pada ketika itu, Hadhrat Syaikh membetulkan tulang belakangnya dan mengangkat tongkatnya lalu berdiri. Daku juga bersama dengan hambanya yang mukhlis telah berangkat bersama-sama dengan Hadhrat Sheikh. Meskipun dengan keadaan Hadhrat Sheikh yang lemah dan telah lanjut usianya, jalannya begitu laju seolah-olah sedang berjalan di udara. Hamba ini juga cuba menuruti langkahnya langkah demi langkah. Pada tangan Hadhrat Syaikh yang Mubarak, ada sebuah bekas yang di dalamnya terdapat beberapa jenis makanan dan pada tanganku juga ada sebuah bekas yang dipenuhi dengan makanan. Daku berkehendak untuk mengangkat bebanan Hadhrat Sheikh, dan bebanan di tanganku daku berikan kepada sahabatku. Daku telah meminta bebanan yang dipikul oleh Hadhrat Syaikh. Hadhrat Syaikh dengan senang hati memberikannya kepada hamba ini, pada waktu itu, pada lidah beliau sedang berjalan lafaz Mubarak Allah. Hamba ini, dengan penuh adab mengambil bebanan tersebut dan mengangkatnya dan membungkusnya. Kemudian terzahir suatu kampung dan kami pun masuk ke dalamnya dan sampai dekat dengan sebuah masjid. Di sana terdapat dua jalan.

Jalan yang pertama telah diketahui tentang jalan pergi-baliknya. Di tengah-tengahnya terdapat suatu permata yang besar. Jalan yang kedua diketahui bahawa ianya tertutup yang mana untuk orang-orang yang berjiran dan tinggal dekat dengan masjid, mereka pergi ke sana dan mereka gunakan laluan tersebut untuk pergi ke masjid. Jalannya sangat dekat, tetapi ditengah-tengah jalan tersebut terdapat banyak kekotoran. Faqir ini, dengan merasakan kedhaifan dan tidak ada apa-apa bertanya kepada Hadhrat Syaikh,

"Tuan Hadhrat, laluan pertama pergi balik ini adalah jalan yang am dan jalan yang kedua pula terdapat sedikit kesukaran adalah lebih mudah dan lebih dekat. Jikalau kita ambil jalan yang kedua ini adalah lebih baik. Akan tetapi, pada jalan ini, ada sedikit kekotoran."

Maka Hadhrat Sheikh berkata,

"Tiada apa-apa masalah. Tangan diletakkan di hidung lalu berjalan melaluinya dan kamu pun buat begitu juga."

Sebagai menuruti dan mengamalkan petunjuknya, kami pun bergerak dari situ dan sampai ke masjid yang suci dan bersih dan kami pun duduk di dalamnya. Keberkatan dan cahaya hakikat maqam ini yang ditakbirkan dengan penjelasan Haqiqat Solat dan merupakan langkah penghujung pagi para Salikin telah terhitung padaku dan daku telah berjaya menempuhnya.

Tafsir mimpi ini, padanya dapatlah daku mengambil beberapa faedah dan perkhabaran:

1) Perkhabaran Pertama: Ianya mengisyaratkan kepada *Khilafat Khassah*
2) Perkhabaran Kedua: Ianya mengisyaratkan kepada persiaran *Sayr Muradi* dalam perjalanan Suluk
3) Perkhabaran Ketiga: Ianya mengisyaratkan kepada ketiadaan sebarang mudharat kepada dunia dan asbab dunia.

Sesiapa yang memikirkan tentang peristiwa mimpi ini, juga akan memahami perkara seperti.

# 4. TARIQAT QADIRIYYAH

Pada suatu ketika, seorang rakan faqir ini telah meminta supaya memberikan Tawajjuh terhadap Nisbat Qadiri. Maka daku pun menyampaikan pahala terhadap Ruh Mubarak Hadhrat Ghauts Tsaqilain, lalu memberikan Tawajjuh kepadanya. Maka daku pun melihat bahawa Ruhaniah Hadhrat Ghauts Tsaqilain datang dan berada di atas leherku dan menanggalkan mahkota berhias di atas kepalanya yang Mubarak lalu memakaikannya ke atas kepala hamba yang haqir ini dan telah mengurniakan hamba dengan suatu nisbat yang khas. Adapun sehingga beberapa hari, nisbat Hadhrat Ghauts masih menguasai diriku dan kelazatannya teringat-ingat sehingga ke hari ini.

Nisbat Makhsusah yang dikhaskan kepada Hadhrat Ghauts tidak boleh dijelaskan kaifiyatnya. Demi Allah selagi mana kamu tidak merasainya, kamu tidak akan tahu tentang kelazatan. Allah Ta'ala telah mengurniakan ganjaran yang terbaik kepada Hadhrat Ghauts dan dengan kesempurnaan dan keberkatan beliau, kami juga mendapat kurniaannya dan mandapat bahagian yang sempurna darinya sebagaimana yang kami harapkan dan inginkan. Amin. Peristiwa-peristiwa dan maqamat yang sebegini adalah banyak yang mana untuk membangkitkan tentang kesemuanya akan menjadikan risalah ini lebih panjang dan menafikan ringkasan yang mana merupakan maksud bagi risalah ini. Ahwal Hadhrat Pir Dastagir, Kashaf dan Karamatnya, 'Ibadat dan Mu'amalatnya, siang dan malamnya, Insya-Allah akan dituliskan kitab yang berasingan tentangnya.

## Amalan kegiatan Zikir Tariqat Qadiriyah

Sekarang, akan dijelaskan berkenaan isghal Tariqat Qadiriyyah dan Chishtiyyah dan yang dirasakan sesuai supaya risalah yang ringkas ini akan terkandung silsilah yang terhimpun dan semoga manfaatnya dapat diumumkan dan disempurnakan. Syaikh Jailaniyyah adalah Imam Tariqat, Mahbub Subhani, Qutub Rabbani, Ghaus Samadani, Sayyid Abu Muhammad, Muhyiuddin 'Abdul Qadir Jailani Radhiyallahu 'Anhu yang nisbat adalah terpikul padanya. Tarikh kelahiran beliau adalah pada 471 H dan wafat beliau adalah pada 562 H. Umur beliau yang mulia adalah mencapai 91 tahun. Ketahuilah bahawa pada permulaan Khandan Silsilah ini, kesemua penuntut diberikan pengajaran tentang Zikir Jihri yang sederhana yang mana terbahagi kepada dua bahagian:

1) Bahagian Pertama: Ismu Zat

2) Bahagian Kedua: Nafi Itsbat.

# 4.1 Zikir Ismu Zat

Zikir Ismu Zat terbahagi kepada empat bahagian:

**Zikir Ismu Zat yang pertama**:

Satu pukulan Dharab yang caranya adalah seperti berikut, bahawa dengan sepenuh kekuatan dengan suara yang jelas, menyebutkan perkataan Allah dengan menggunakan hati dan suara dengan sekuat-kuatnya. Kemudian hendaklah berhenti seketika supaya dapat mengambil nafas. Kemudian dilakukan sekali lagi seperti tadi dan ianya dijadikan amalan kebiasaan mewiridkan lafaz Allah tadi.

**Zikir Ismu Zat yang kedua**:

Dua pukulan yang caranya adalah seperti berikut: Bahawa duduk seperti duduk dalam solat dan menyebutkan lafaz Allah pada pukulan yang pertama ke atas lutut kanan dan kemudian segera memukulnya ke atas lutut kiri. Jangan dibahagikan antara keduanya. Dan adalah penting bahawa pada kedua-dua pukulan tersebut hendaklah dilakukan bersungguh-sungguh dan dengan kuat. Hati juga hendaklah dipukulkan secara khasnya dan dengan kuat supaya hati juga akan terkesan dan menghasilkan Jam'iyyat Khawatir.

**Zikir Ismu yang ketiga**:

Tiga pukulan yang caranya adalah seperti berikut, bahawa duduk secara bersila dan melakukan pukulan zikir. Pukulan pertama adalah pada lutut kanan, pukulan kedua adalah pada lulut kiri dan pukulan ketiga adalah pada hati dengan sekuat-kuatnya secara Jihri.

**Zikir Ismu yang keempat**:

Empat pukulan yang caranya adalah seperti berikut: Bahawa duduk secara bersila dan melakukan pukulan zikir. Pukulan pertama pada lutut kanan, pukulan kedua pada lutut kiri, pukulan ketiga pada hati dan pukulan keempat ke arah depan. Pukulan yang keempat ini hendaklah dilakukan yang paling kuat dengan suara yang tinggi.

# 4.2 Zikir Nafi Itsbat

Bahagian kedua adalah Nafi Itsbat. Padanya dilakukan pukulan dengan mengucapkan kalimah ***LA ILAHA ILA ALLAH***. Caranya adalah seperti berikut:
1) Duduk berlutut mengadap Qiblat seperti dalam Solat dengan menutup kedua-dua mata lalu mengucapkan ***LA.***
2) Sewaktu mengucapkan ***LA,*** nafas ditahan dibawah pusat dan ianya ditarik sehingga ke bahu kanan.
3) Kemudian mengucapkan ***ILAHA*** dan ianya dikeluarkan dari tengah-tengah otak.
4) Sesudah itu, mengucapkan ***ILLA ALLAH*** dengan pukulan yang kuat ke atas Qalb.

Ketika mengucapkan Kalimah Nafi iaitu ***LA ILAHA*** hendaklah menafikan atau menolak segala Ma'budiyyat dan Maqsudiyyat yang selain daripada Allah Ta'ala. Dan ketika mengucapkan kalimah Itsbat iaitu ***ILLA ALLAH,*** hendaklah menggambarkan itsbat terhadap Allah Ta'ala. Syarat dalam pukulan adalah hendaklah dilakukan dengan suara yang keras dan kuat dan memerhatikan tempat yang dipukul. Ini adalah kerana padanya terdapat beberapa hikmah bahawa secara nalurinya seseorang itu selalu melihat ke arah dan suka mendengar suara-suara yang indah. Maka, di dalam hatinya terkumpul khatrah dan was-was dan muamalah terhadap gambaran-gambaran yang indah tersebut. Kerana itulah, Para Masyaikh telah menentukan cara-cara dan syarat-syarat tersebut dan ianya adalah sebagai dinding untuk menghindarkan Tawajjuh terhadap Ghair supaya dapat dikosongkan dari hatinya.

Dengan menghindarkan dirinya dari segala lintasan khatrah luaran tersebut dapat memudahkan seseorang untuk memberikan sepenuh Tawajjuhnya terhadap Hadhrat Zat Allah Ta'ala. Adalah perlu bagi ahli Suluk bahawa sesudah Solat Subuh dan Asar berkumpul dan membuat suatu halqah secara Ijtimai mengamalkan zikrullah sebagai amalannya. Dia dalam Ijtimai terhasil banyak faedah-faedah yang tidak dapat terhasil sewaktu dalam amalan infradi. Maka, apabila kesan-kesan Zikir Jihri sudah berlaku ke atas Salik, di dirinya sudah menyaksikan musyahadah cahaya nur zikir yakni mulalah berlaku zauq dan shauq, lintasan khatrah pun terangkat. Ketenangan Qalb (Itminan Qalb) pun telah terhasil dan keyakinan terhadap kebesaran Allah berbanding dengan segala masiwa telah menjadi rasikh dan kukuh di dalam dirinya., maka hendaklah diberikan kepadanya Zikir Khafi. Zikir Khafi juga terbahagi kepada dua bahagian:

**Bahagian Pertama**

Bahagian Pertama Zikir Khafi adalah Ismu Zat digabungkan dengan Ummahat Sifat (Ibu bagi segala Sifat-sifat). Caranya adalah seperti berikut:-

1) Kedua-dua mata hendaklah dipejamkan dan bibir pun dirapatkan dan dengan lidah (hati), menyebutkan:

*a) Allahu Sami'*- Allah Mendengar

b) *Allahu Basir* – Allah Melihat

c) *Allahu 'Alim* - Allah Mengetahui

2) Di dalam khayalan, kalimat-kamilat ini hendaklah ditarik dari pusat ke dada dan dari dada ke otak dan dari otak, ditarik keluar sehinggalah ke atas 'Arash.

3) Kemudian mengucapkan dengan lidah hatinya:

a) *Allahu 'Alim* –Allah Mengetahui

b) *Allahu Basir* – Allah Melihat

c) *Allahu Sami'* – Allah Mendengar

Dan pada kali ini, dari kedudukan maqamat yang disebutkan hendaklah menggambarkan ianya turun secara nuzul yakni dari 'Arasyh sampai ke otak dari otak sampai ke dada, dari dada sampai ke pusat.

4) Kesemuanya ini adalah satu pusingan dan sesudah itu, hendaklah dilakukan berkali-kali. Sebahagian buzurg taifah Qadariyah ini turut memasukkan kalimah *Allahu Qadir* –Allah Berkuasa dalam zikir tersebut.

**Bahagian Kedua**

Bahagian Kedua Zikir Khafi adalah Zikir Nafi Itsbat. Caranya telah dijelaskan sebelum ini. Satu cara yang lain melakukannya adalah seperti berikut: Bahawa Salik hendaklah memerhatikan nafasnya yang keluar masuk. dengan teliti. Ketika nafas keluar, maka diucapkan dengan lidah hati lafaz ***LA ILAHA*** dan ketika nafas masuk ke dalam, maka diucapkan kalimah ***ILLA ALLAH***. Para Akabirin Sufiyyah menamakannya sebagai ***Pas Anfas*** atau Zikir Nafas. Ini adalah suatu kaedah yang khas untuk menjauhkan Khatrah dan was-was serta gambaran-gambaran nafsu. Apabila kesan-kesan Zikir Khafi mula terzahir pada Salik dan pada batinnya, dan dia dapat menyaksikan Musyahadah cahaya Nur Zikir, maka diperintahkannya untuk melakukan amalan Muraqabah. Yang dimaksudkan terzahirnya kesan-kesan adalah Shauq dan Ghalbah Mahabbat dikuasai oleh perasaan cinta dan kesungguhan yang sempurna akan berlaku dalam fikirannya dan mula menuntut dan memikirkan tentang kebesaran Allah Ta'ala Di dalam diamnya, ditemui rasa lazat dan pada dirinya akan mula tidak suka bercakap-cakap tentang perkara yang tidak berfaedah dan menjauhi diri dari kesibukan Duniawi akan menjadi tabiatnya.

## 4.3 Muraqabah

Ketahuilah Muraqabah adalah terbit dari perkataan Taqarrub yang maknanya ialah menantikan limpahan Faidhz dari Allah Ta'ala. Muraqabah terbahagi kepada beberapa bahagian:

Bahagian pertama dilakukan zikir dengan makna ***Kulli*** yakni keseluruhan supaya ianya membenarkan atas sekalian juzuk-juzuk bahagian dan ianya samada ayat yang kalimahnya dilafazkan dengan lidah atau dikhayalkan pengertian makna di dalam hatinya. Makna ayat tersebut hendaklah diletakkan di dalam hati kefahaman yang baik.

Sesudah itu, cubalah untuk menggambarkan kaifiyat makna-makna ini dan Misdaq bukti-buktinya serta gambaran yang hendak dijelaskan oleh ayat-ayat tersebut. Kemudian, hendaklah mengosongkan hati, lalu memberikan sepenuh Tawajjuh dan minat terhadap rupa yang digambarkan tadi sehingga tenggelam dalam Tawajjuhnya bahawa di dalam hatinya, tiada suatu rupa pun yang melaluinya kecuali satu rupa yang khas sehingga berlaku ***Istighraq*** pada rupa tersebut dan fikirannya kosong dari segala sesuatu yang selainNya.

Asal Muraqabah adalah berdasarkan kepada Hadits Nabi yang mulia: ***"Bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya atau Allah melihat engkau."*** Maka Salik hendaklah mengkhayalkan dalam hatinya dengan kata-kata yang berikut:

1) ***Allahu Hadhiri (Allah hadir di sisi ku), Allahu Naziri (Allah memandang kepadaku) dan Allahu Ma'ie (Allah bersamaku)***. Hendaklah menggambarkan kehadiran Allah Ta'ala, titik pandanganNya dan memerhatikan kebesertaanNya. Gambaran maknanya hendaklah dibuat sebaik mungkin dengan mensucikan Allah Ta'ala dari sebarang arah dan tempatnya sehinggalah dia akan mencapai ***Istighraq*** ketenggelaman di dalam gambaran tersebut.

2) Ataupun secara menggambarkan maksud ayat Al-Quran:

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ

***"Dan Dia bersama dengan kamu di mana saja kamu berada."***

Mafhum ayat ini hendaklah diperhatikan dan ketika dalam keadaan duduk dan berdiri, tidur maupun jaga, khalwat maupun jalwat, hendaklah menggambarkan kebesertaan (ma'iyyat) dengan Allah Ta'ala ataupun hendaklah sentiasa berjalan lafaz ayat ini pada lidahnya.

3) Kemudian ayat Al-Quran:

فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ ٱللَّهِ

***"Dimana juga kamu hadapkan pandangan di situ terdapat wajah Allah."***

4) Kemudian melakukan Muraqabah terhadap ayat:

أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ ٱللَّهَ يَرَىٰ

***"Apakah dia tidak tahu bahawa Allah itu melihat segala perbuatannya."***

5) Kemudian dilakukan Muraqabah terhadap ayat:

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ

***"Kami adalah lebih dekat kepadanya dari urat lehernya."***

6) Kemudian dilakukan Muraqabah terhadap ayat:

أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ

***"Ingatlah, sesungguhnya Allah adalah Maha Meliputi atas segala sesuatu."***

7) Kemudian dilakukan Muraqabah terhadap ayat:

إِنَّ مَعِىَ رَبِّى سَيَهْدِينِ

***"Sesungguhnya Tuhanku besertaku, pasti akan menunjukkan daku ke jalanNya."***

8) Kemudian dilakukan Muraqabah terhadap ayat:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْءَاخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ

***"Dialah Awal dan Dialah Akhir dan Dialah Zahir dan Dialah Batin."***

Kesemua ayat-ayat Muraqabah yang dinyatakan tadi adalah sangat berfaedah untuk membentuk Ta'alluq lintasan hati dengan Allah Ta'ala. Faedah Muraqabah yang lain juga adalah dapat memutuskan segala perhubungan dengan yang selain Allah Ta'ala, menghasilkan Tajarrud iaitu rasa berseorangan dengan Allah Ta'ala yang sempurna dan juga berfaedah untuk menghilangkan ingatan terhadap perkara-perkara yang selain Allah dan sentiasa rindu kepadaNya.

Ayat Muraqabah seterusnya adalah seperti berikut:

***"Segala sesuatu akan Fana dan yang tetap kekal adalah Wajah Rabbmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan."***

Tariqah pengamalannya adalah seperti berikut, bahawa hendaklah membayangkan bahawa dirinya seolah-olah telah mati dan hatinya meneroka ke Alam Ghaib dengan menganggap bahawa dia sedang berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Menganggap bahawa langit menjadi berselerak dan berpecah-belah dan hendaklah mengkhayalkan bahawa dirinya tidak lagi berbentuk dengan sebarang susunan mahupun rupa bentuk dan menggambarkan bahawa hanya Allah Ta'ala sahaja yang kekal Wujud. Hendaklah melakukan latihan Muraqabah ini beberapa lama yang mana ianya akan menghasilkan ***Mahwiyyat*** yakni ketenggelaman dan lupa kepada segala perkara selain daripada Allah Ta'ala.

Begitu juga hendaklah dilakukan Muraqabah ayat berikut:

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَٰقِيكُمْ

***"Sesungguhnya maut yang kamu sedang lari darinya, sesungguhnya ia pasti menemui kamu."***

Kemudian dilakukan Muraqabah terhadap ayat berikut:

أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ

***"Walau di mana juga kamu berada, maut pasti akan menangkap kamu, walaupun kamu berada di dalam tembuk yang kukuh."***

Maka apabila telah terzahir padanya, faedah-faedah Muraqabah dan telah terhasil Musyahadah cahaya-cahaya Anwar, maka hendaklah diberikan pelajaran Tauhid Af'ali iaitu merasakan bahawa Allah Ta'ala yang melakukan segala perkara. Hendaklah dijelaskan bahawa, Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah menggesa dan menekankan kepada dua perkara:

1) **Zikrullah** - yang dimaksudkan adalah zikir secara lisan
2) **Fikir** – yang dimaksudkan adalah Muraqabah.

Para Masyaikh Tariqat telah menetapkan bagi Para Salik bahawa untuk mencapai peningkatan Ruhaniah menerusi Zikir yang beserta dengan Fikir, dan untuk memudahkannya Para Masyaikh telah merumuskan agar Para Salik melakukan Zikir Khafi.

## 4.4 Kaedah-kaedah Ajaib Para Masyaikh Qadiriyyah

Sebahagian Para Masyaikh telah berkata bahawa untuk kami mengetahui tentang perkara dan peristiwa yang akan berlaku, dan yang telah pun kami mengujinya, jalannya adalah seperti berikut:

1. Bahawa Talib hendaklah mandi dan kemudian memakai pakaian yang baik lalu mengenakan harum haruman dan hendaklah beriktikaf.

2. Kemudian hendaklah mengambil senaskah Al-Quran, dibukakan dan diletakkannya di sebelah kanan, Al-Quran yang kedua diletakkannya di sebelah kiri, Al-Quran yang ketiga diletakkannya di hadapannya, Al-Quran yang keempat diletakkannya di belakangnya.

3. Kemudian, dengan penuh Tawajjuh dan penumpuan, hendaklah berdoa ke Hadhrat Allah Ta'ala agar disingkapkan tentang sesuatu peristiwa itu kemudian hendaklah mewiridkan Ismu Zat tanpa menutup mata dengan cara yang berikut:

Bahawa satu pukulan hendaklah dihalakan ke kanan di atas Al-Quran. Pukulan kedua hendaklah diarahkan ke sebelah kiri. Pukulan yang ketiga kehadapan dan pukulan keempat dipukulkan ke belakangnya sehingga dengan amalan tersebut, hatinya akan menjadi jelas dan akan merasakan cahaya nur. Hendaklah dilakukan latihan ini sehingga selama seminggu, bahawa menerusinya, akan tersingkaplah peristiwa yang berkaitan dengan perkara yang dituntut dengan pasti dan yakin. Sebahagian Masyaikh menganggap latihan amalan tersebut sebagai tidak beradab terhadap Al-Quran dan tidak menyukainya. Sebagai menggantikannya, mereka menggunakan Asma Ilahiyyah iaitu ***"Ya 'Alim", "Ya Mubin"*** dan ***"Ya Khabir."*** Kalimah ini dizikirkan dengan menuruti syarat-syarat yang telah dinyatakan sebagaimana pada zikir dengan satu pukulan atau dengan tiga pukulan yang telah dinyatakan.

Para Masyaikh telah berkata bahawa segala syarat-syarat tersebut dengannya dapat menyingkap Alam Arwah atau disebut sebagai Kashaf Arwah. Dengan cara yang dinyatakan di atas dan menggunakan lafaz ayat berikut:

1) ***Subbuhun*** – Wahai Tuhan Yang Disucikan, dipukulkan ke sebelah kanan.
2) ***Quddusun*** – Wahai Tuah Yang Maha Suci, dipukulkan ke sebelah kiri.
3) ***Rabbul Malaikah*** – Tuhan sekalian Para Malaikat, dipukulkan ke arah atas.
4) ***Warruh*** – Tuhan Para Ruh, di pukulkan ke arah Qalb.

**Untuk Menyelesaikan Sesuatu Pekerjaan Yang Sukar**.

Untuk menyelesaikan sesuatu pekerjaan yang sukar maka dilakukan amalan latihan tadi dengan syarat-syaratnya yang telah dinyatakan pada waktu malam. Sebelum itu, hendaklah bersolat Nawafil sekadar yang mampu. Kemudian duduk dan mewiridkan lafaz:

1) ***Ya Hayyu*** – Wahai Tuhan Yang Hidup - ke sebelah kanan,
2) ***Ya Wahhab*** – Wahai Tuhan Yang Memberi- ke sebelah kiri.

Dan hendaklah melakukannya sebanyak 1000 kali.

**Untuk Melapangkan Hati Insyirah Qalb**

Untuk melapangkan hati Insyirah Qalb dan menghindarkan bala dan musibah, hendaklah berzikir dengan cara yang berikut:

1) ***Allahu Laa Ilaha Illa Huwa*** – dipukulkan ke Qalb
2) ***Al Hayyu*** - dipukulkan ke kanan
3) ***Al-Qayyum*** – dipukulkan ke kiri.

**Apabila Seseorang Ingin Meminta Kesembuhan**

**Apabila seseorang ingin meminta kesembuhan** ke atas seseorang pesakit atau untuk menghindarkan kelaparan dan melapangkan rezeki atau untuk meminta perlindungan dari musuh yang keras, maka hendaklah mencari daripada Asma Ilahiyah yang mana terdapat nama yang sesuai dengan hal keadaan tersebut dan melakukan zikir Asma Ilahiyah tersebut secara 2 pukulan, 3 pukulan atau 4 pukulan. Sebagai contoh:

1) ***Ya Shafi*** – Wahai Tuhan Yang Menyembuhkan Penyakit
2) ***Ya Samad*** – Wahai Tuhan Tempat Bergantung
3) ***Ya Razzaq*** – Wahai Tuhan Yang Memberi Rezeki
4) ***Ya Munzil*** – Wahai Tuhan Yang Menghinakan dan sebagainya Asma-asma yang lain.

***Wallahu 'Alam***

# 5. TARIQAT CHISHTIYYAH

Tariqat Chishtiyah adalah dinisbatkan kepada Hadhrat Imam Tariqat Khwajah Jahan, Qutub Hindustan, Sayyid Mu'inuddin Hassan Chishti Rahmatullah 'Alaih. Hadhrat Khwajah telah berkata bahawa Hadhrat Amir Al-Mukminin 'Ali Murtdhza Radhiyallahu 'Anhu telah hadir berkhidmat kepada Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan telah bertanya,

''Ya Rasulullah, khabarkanlah kepadaku jalan yang paling dekat untuk menuju kepada Allah dan yang paling afdhal di sisi Allah dan yang paling mudah di sisi hambaNya."

Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda,

"Lakukanlah zikir sebanyak-banyaknya ketika dalam berseorangan."

Beliau bertanya,

"Ya Rasulullah, bagaimana hendak berzikir?"

Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda,

'Tutupkan kedua matamu dan dengarkan apa yang daku ucapkan."

Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah mentalqinkan kalimah ***LA ILAHA ILLA ALLAH*** sebanyak tiga kali. Kemudian, Hadhrat 'Ali Radhiyallahu 'Anhu diperintahkan untuk mengulanginya sebanyak tiga kali dan Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam mendengarnya. Kemudian, Hadhrat 'Ali Radhiyallahu 'Anhu telah mentalqinkan zikir ini kepada Hadhrat Hassan Basri Rahmatullah 'Alaih dan beliau telah mengajarkannya kepada Hadhrat 'Abdul Wahid Bin Zaid Radhiyallahu 'Anhu dan begitulah ianya telah sampai kepada kami. Justeru, apabila Syaikh telah mentalqinkan zikir kepada muridnya, maka murid tersebut diperintahkan untuk berpuasa satu hari dan hari Khamis adalah hari yang terbaik dan melakukan Istighfar dan Selawat sebanyak 11 kali setiap satu.

## 5.1 Zikir Jihri

Allah Ta'ala telah berfirman di dalam Al-Quran:




***"Maka apabila kamu telah selesai mengerjakan Solat, hendaklah kamu berzikir dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring."***

Oleh itu, hendaklah berusaha di atas muamalah ini sehingga ke atas dirimu tiada suatu waktu pun yang berlalu yang mana kamu tidak berzikir. Dan ketahuilah bahawa Qalb kamu terletak di bawah tetek kiri pada jarak dua jari yang rupanya merah seperti bunga pokok sanubari. Dan terdapat pada Qalb itu dua pintu. Satu pintu Fauqani yakni atas dan satu pintu Tahtani iaitu bawah. Pintu Fauqani akan terbuka menerusi pengamalan Zikir Jihri dan pintu Tahtani akan terbuka menerusi Zikir Khafi. Ketika hendak melakukan Zikir Jihri, maka hendaklah duduk bersila dan urat di bawah lutut kanan diletakkan di hujung kaki kiri dan hendaklah memegang ibu jari kaki kanan. Dengan berzikir secara Zikir Jihri tersebut adalah amat berfaedah untuk menafikan khatrah dan was-was dan akan menghangatkan Qalb.

Caranya adalah seperti berikut:-

Duduk menghadap kiblat dan mengucapkan kalimah ***Laa Ilaha illallah*** dari dalam Qalb dengan sepenuh kekuatan. Dan dengan kesungguhan huruf ***LA*** ditarik dari pusat dibawa sehingga ke bahu kanan. Dan dikeluarkannya. lafaz ***ILAHA*** daripada asal otak. Semasa melakukan zikir ini, hendaklah mengisyaratkan di dalam gambarannya bahawa segala perhubungan dengan yang selain Allah hendaklah dikeluarkan dari dalam dan dibuangkan keluar. Ketika mengucapkan ***ILLA ALLAH*** dipalukan dengan penuh kesungguhan dan sekuat-kuatnya ke Qalb. Bagi penuntut yang baru Mubtadi, semasa menyebutkan kalimah ini, hendaklah menafikan segala Ma'budiyyat yang selain Allah Ta'ala. Bagi penuntut pertengahan Mutawassit, hendaklah menafikan segala Maqsudiyyat yang selain Allah Ta'ala dan untuk bagi penuntut yang sudah maju Muntahi, hendaklah memerhatikan sambil menafikan segala kewujudan yang selain Allah Ta'ala.

Syarat yang terbesar dalam melakukan zikir ini hendaklah menghimpunkan jam'iyat dan memahami makna kalimah Tayyibah. Bagi mereka yang melakukan Zikir Jihri, adalah munasib bagi mereka jangan mengurangkan makanan. Mengosongkan seperempat daripada perut adalah mencukupi dan menggunakan segala nikmat menurut keperluan. Dan hendaklah meminyakkan rambut dengan minyak bijan supaya otak tidak menjadi kering.

## 5.2 Zikir Pas Anfas

Ketika hendak melakukan zikir ***Pas Anfas,*** maka hendaklah menyedari tentang nafasnya yang keluar dan masuk dan sentiasa mengawasinya. Ketika nafas sedang keluar, hendaklah mengucapkan ***LA ILAHA*** dan dengan khayalanmu segala kecintaan tentang Masiwa ditarik keluar dari batinmu. Ketika nafas masuk ke dalam, maka diucapkan ***ILLA ALLAH*** dan hendaklah mengkhayalkan bahawa cinta Mahabbat Ilahi sedang dimasukkan ke dalam hatimu. Para Masyaikh Chishtiyah telah berkata bahawa rukun Suluk yang terbesar adalah penuntut merabitahkan Qalb dirinya dengan Qalb Syaikhnya. Atas dasar Mahabbat dan Ta'zim, hendaklah menggambarkan rupa Syaikh Murshidnya.

## 5.3 Muraqabah

Apabila batin penuntut sudah mulai bercahaya dengan Nur zikir, maka dia hendaklah diperintahkan dengan amalan Muraqabah dengan kalimat-kalimat yang berikut:

اللهُ حَاضِرِى ، اللهُ نَاظِرِى اللهُ شَاهِدِى ، اللهُ مَعِى

***Allah hadir pada sisi saya, Allah memandang kepada saya, Allah melihat kepada saya, Allah bersama saya.***

Ataupun melakukan Muraqabah pada ayat berikut:

أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ

***"Ingatlah, sesungguhnya Dia Maha Meliputi dengan segala sesuatu."***

Ataupun menggambarkan bahawa seolah-olah Allah hadir di antara dirinya dan Qiblat dan seolah-olah bermusyahadah terhadapnya.

## 5.4 Amalan Chillah

Seseorang Salik yang hendak melakukan Chillah iaitu amalan Suluk selama 40 hari, maka perlulah memerhatikan beberapa perkara seperti berikut:

1. Sentiasa berada dalam keadaan puasa
2. Setiap waktu sentiasa berqiam dalam Solat
3. Mengurangkan makan
4. Mengurangkan bercakap-cakap
5. Mengurangkan tidur
6. Mengurangkan bergaul dengan orang ramai
7. Pada setiap waktu, sentiasa dalam keadaan wuduk
8. Hatinya hendaklah mencintai Syaikh
9. Menambat hatinya dengan Ihtiram penghormatan terhadap Syaikhnya.
10. Hendaklah mengharamkan segala bentuk kelalaian ke atas dirinya

Ketika hendak masuk ke tempat I'tikaf, hendaklah masuk dengan kaki kanan lalu membaca Ta'awuz dan Basmalah serta Surah An-Nas sebanyak tiga kali. Ketika meletakkan kaki kiri hendaklah berdoa:

***"Ya Allah, Engkaulah Wali Pelindungku di Dunia dan di Akhirat. Jadilah Engkau kepadaku sebagaimana Engkau terhadap Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Ya Allah, rezekikanlah daku dengan mencintaiMu dan sibukkanlah daku dengan KeindahanMu dan jadikanlah daku dari kalangan orang-orang yang ikhlas. Ya Allah, jadikanlah daku tertarik dengan ZatMu. Wahai yang menjinakkan sesiapa yang tiada penjinak baginya. Ya Rabbi, janganlah dikau tinggalkan daku keseorangan dan Engkau adalah sebaik-baik pewaris."***

Selepas itu, hendaklah berdiri di atas sejadah lalu membaca sebanyak 21 kali ayat yang berikut:

إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ حَنِيفًا
وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ

***'Sesungguhnya daku menghadapkan mukaku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dengan cenderung kepada agama yang benar dan daku bukanlah termasuk dikalangan orang-orang musyrikin'***

Sesudah itu hendaklah melakukan dua rakaat Solat. Pada rakaat pertama, sesudah ***Al-Fatihah*** membaca ***Ayat Al-Kursi*** dan pada rakaat kedua sesudah ***Surah Al-Fatihah*** membaca dua ayat terakhir ***Surah Al-Baqarah*** iaitu ***"Aamana Ar-Rasul"*** hingga akhir. Sesudah Salam lakukanlah sujud yang panjang dan dengan penuh Tawajjuh, hendaklah berdoa dalam hati dan membaca ***"Ya Fattah"*** 500 kali. Kemudian hendaklah menyibukkan diri dengan amalan–amalan zikir yang telah dinyatakan.

## 5.5 Kashaf Kubur

Bagi orang yang hadir ke maqam perkuburan secara khususnya, untuk mereka ini ketika hendak masuk ke kawasan maqam perkuburan hendaklah melakukan Solat dua rakaat dan membacakan ***"Inna Fatahna"*** sesudah ***Surah Al-Fatihah.*** Sesudah selesai Solat hendaklah duduk dan bertawajjuh menghadap ke arah mayat di dalam kubur. Kemudian membaca ***Surah Al-Mulk,*** mengucapkan ***Takbir*** dan ***Tahlil*** dan membacakan ***Surah Al-Fatihah*** sebelas sekali kepada mayat tersebut. Kemudian, mengucapkan ***"Ya Rabb"*** 21 kali. Kemudian, hendaklah mengucapkan ***"Ya Ruh"*** dengan merentakkannya ke arah langit dan ***"Ya Ruh Ar-Ruh"*** dipukulkan pada Qalb. Amalan ini dilakukan supaya dapat memperolehi ketenangan dan Nur. Kemudian, hendaklah menantikan limpahan Faidhz daripada penghuni kubur sampai ke hati kamu. Ketika menghadapi kesukaran yang bersangatan, Hadhrat Masyaikh Chishtiyah ada mengamalkan ***Solat Kun Fayakun*** yang dilakukan pada tiap-tiap malam Rabu, malam Khamis dan malam Jumaat. Dengan cara melakukan Solat Nawafil dua rakaat. Pada rakaat pertama, sesudah ***Al-Fatihah,*** dibacakan surah ***Al-Ikhlas*** 100 kali dan pada rakaat kedua, membacakan ***Al-Fatihah*** 100 kali dan surah ***Al-Ikhlas*** sekali. Sesudah Salam, hendaklah mengucapkan:

1) ***"Wahai Tuhan yang memudahkan segala yang sukar dan Wahai yang mencerahkah segala kesusahan dan kegelapan"*** sebanyak 100 kali.
2) Membacakan ***Istighfar*** dan ***Selawat*** sebanyak 100 kali.

Dan dengan Hudhur Qalb yakni secara menghadirkan hati, berdoalah kepada Allah Ta'ala. Pada malam yang ketiga sesudah selesai berdoa, hendaklah mencukur kepala dan jika amalan ini dilakukan dengan berdoa sebanyak 50 kali, Insya Allah doa akan mustajab.

# 6. TARIQAT NAQSHBANDIYYAH

Pada menjelaskan istilah-istilah Tariqat yang digunakan di kalangan Hadhrat Naqshbandiyyah. Di dalam Silsilah Tariqat Naqshbandiyyah ianya dinisbahkan kepada Hadhrat Khwajah Khwajagan Pir Piran Imam Tariqat dan Syari'at dan Haqiqat, Markaz Daerah Wilayat dan Ma'rifat, Qutub Muhaqqiqin Khwajah Bahauddin Muhammad Ibnu Muhammad Al-Bukhari yang masyhur dikenali sebagai Shah Naqshband Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu. Nasab beliau berketurunan Sayyid dan dari kalangan keturunan Hadhrat Imam Hussain Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu. Kelahirannya adalah pada bulan Muharram 708 Hijrah dan wafatnya pada malam Selasa 3 Rabi'ul Awwal 791 Hijrah. Hadhrat Mualana Jami Rahmatullah 'Alaih telah menyatakan suatu ungkapan syair berkenaan beliau di dalam syairnya:

***Apa yang telah terbit di Yasrib waktu akhirnya sudah pun tiba;***
***Ganti daulatnya Shah Naqshband yang tiada siapa menandinginya;***
***Permata suci yang sebegini tidak terdapat di mana-mana;***
***Telinganya adalah dari permulaan Tanah Bukhara;***
***Langkah pertamanya adalah langkah penghujung bagi sekalian Tariqah;***
***Untuk langkahan akhirnya adalah mengharapkan Kekasih.***

Seseorang telah berkata bahawa Hadhrat Khwajah Bahauddin Naqshband Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu adalah seorang yang dapat menghindarkan berbagai-bagai kesusahan dan menghapuskan segala gambaran-gambaran Ghairullah yang selainNya dari hati Para Murid. Tariqat Mujaddidiyyah yang telah dinyatakan dalam sungai pertama adalah tertegak di atas usul-usul Tariqat Naqshbandiyyah. Usulnya adalah ***Wuquf Qalbi*** dan ***Tawajjuh*** terhadap sumber limpahan Faidhz dan ***Nigah Dashat*** terhadap limtasan Khatrah dan melazimkan Suhbat dengan Syaikh Murshid yang memberikan bimbingan dan yang diikutinya. Dan hendaklah melakukan Zikir secara dawam dengan menuruti syarat-syaratnya.

## 6.1 Asas – Asas Tariqat Naqshbandiyyah

Kini akan diperjelaskan sebahagian daripada kalimat-kalimat yang merupakan asas-asas Tariqat Naqshbandiyyah. Maka, hendaklah mendengar dengan penuh perhatian dan Tawajjuh. Kalimat-kalimatnya adalah seperti berikut:

1) ***Hosh Dar Dam***
2) ***Nazar Dar Qadam***
3) ***Safar Dar Watan***
4) ***Khalwat Dar Anjuman***
5) ***Yad Kard***
6) ***Baz Gasyt***
7) ***Nigah Dasyat***
8) ***Yad Dasyat***

Kelapan-lapan kalimat ini telah dinukilkan daripada Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana 'Abdul Khaliq Ghujduwani Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu. Hadhrat Imam Tariqah Khwajah Shah Muhammad Bahauddin Naqshband Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu telah menambah tiga kalimat padanya iaitu ***Wuquf Qalbi, Wuquf Adadi*** dan ***Wuquf Zamani.***

Maksud ***Hosh Dar Dam*** adalah bahawa Salik hendaklah pada setiap nafasnya berjaga-jaga dan hendaklah memerhatikan bahawa adakah nafasnya sedang berzikir atau lalai dan secara berperingkat-peringkat dia akan sampai kepada ***Dawam Hudhur*** keadaan yang mana hati sentiasa ingat pada Allah**.** Gambaran ini adalah berfaedah bagi Salik Mubtadi peringkat permulaan.

Bagi Salik Mutawassit peringkat pertengahan, hendaklah dia pada setiap saat dan ketika, memerhatikan keadaan keluar masuk nafasnya. Misalnya selepas setiap satu jam, hendaklah melihat bahawa dirinya tidak masuk ke dalam kelalaian. Maka, jika dia mendapati terdapat kelalaian dalam keluar masuk nafasnya, maka hendaklah dia beristighfar dan hendaklah berniat untuk meninggalkan kelalaian tersebut pada masa akan datang. Dengan melakukan pemerhatian nafas yang sebegini, Salik akan berjaya mencapai ***Dawam Hudhur***. Dan inilah merupakan makna yang akhir bagi ***Wuquf Zamani*** yang telah dinyatakan oleh Hadhrat Shah Naqshaband Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu. Bagi penuntut Mutawassit peringkat pertengahan, hendaklah juga sentiasa berfikir dan memberi tumpuan Tawajjuh tentang kaifiat ilmiah yang tertentu dalam setiap gerak nafasnya. Apa yang patut baginya adalah mengalami ahwal ***Istighraq*** yakni rasa ketenggelaman ketika bertawajjuh terhadap Allah Ta'ala yang mana kaifiyat ilmiah tersebut tidak menghalangnya dalam tumpuan Tawajjuhnya dalam ahwalnya. Maksud ***Nazar Bar Qadam*** adalah bahawa Salik hendaklah melihat pada kakinya ketika berjalan dan dalam hal keadaan duduk, hendaklah memandang ke hadapannya tanpa memandang ke kanan dan ke kiri kerana terdapat bahaya yang besar yang akan menyukarkannya untuk sampai kepada maksud. Dan telah diperintahkan supaya mendengar dengan sepenuh perhatian bahawa, Salik hendaklah menjauhkan dirinya dari sebarang perbualan yang sia-sia dan menceritakan kisah-kisah dan hikayat-hikayat yang tidak berfaedah. Ini adalah hal keadaan bagi Salik Mubtadi. Bagi penuntut Muntahi, hal keadaan mereka hendaklah sentiasa memikirkan keadaan Ruhaninya bahawa dari kalangan Para Anbiya 'Alaihimussalam, di atas langkahan Nabi yang manakah dia berada? Ianya adalah kerana sebahagian Para Awliya berada di bawah telapak kaki Hadhrat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan mereka dinamakan sebagai ***Muhammadi Musharab.*** Sebahagiannya berada di bawah telapak kaki Abul Bashar Adam 'Alaihissalam dan mereka dinamakan sebagai ***Adami Musharab.*** Sebahagiannya berada di bawah telapak kaki Nabi Ibrahim 'Alaihissalam dan dinamakan sebagai ***Ibrahimi Musharab.*** Satu golongan yang berada di bawah telapak kaki Nabi Musa 'Alaihissalam dan dinamakan sebagai ***Musawi Musharab.*** Satu gologan lagi berada di bawah telapak kaki Nabi 'Isa 'Alaihissalam, justeru sebab itulah mereka dinamakan sebagai ***'Isawi Musharab.***

Adapun ayahandaku yang mulia, adalah seorang 'Isawi Musharab dan permulaan Ta'ayyun bagi Hadhrat 'Isa 'Alaihissalam adalah ***Isim Al-Hayy*** dan Penghulu kami dan Murshid kami dan Imam kami adalah Ibrahimi Musharab dan Murabbi baginya adalah ***Isim Al-'Alim.*** Hamba yang haqir hina dan tidak ada apa-apa ini, penyusun ayat-ayat ini adalah Muhammadi Musharab dan permulaan Ta'ayyun baginya adalah ***Al-'Alim.*** Maka, apabila seseorang Salik mengenali siapa yang diikutinya, maka hal keadaannya dan peristiwa yang dialaminya akan bersesusaian dengan peristiwa-peristiwa orang yang diikutinya.

Maksud ***Safar Dar Watan*** ialah berpindah dari sifat-sifat Bashariyyah kemanusiawian ke arah sifat-sifat Malakiyyah kemalaikatan. Salik hendaklah mengenal pasti perkara ini samada di dalam dirinya bahawa adakah masih ada kecintaan terhadap Ghair ataupun tiada? Jika masih ada terdapat kecintaan terhadap Ghair, maka hendaklah bertaubat dan hendaklah memohon bahawa bagi diriku semua Ghair ini adalah berhala. Kemudian ucaplah Kalimah Tayyibah. Ketika menyebut ***LA ILAHA*** hendaklah menafikan kecintaannya terhadap Ghair dan ketika menyebutkan ***ILLA ALLAH*** hendaklah mengitsbatkan dalam hatinya kecintaaan terhadap Allah Ta'ala sebagai gantinya. Dan adalah wajib bagi Salik bahawa hendaklah dia sentiasa memeriksa hatinya, apakah masih mempunyai hasad dengki, dendam atau rasa tidak puas hati terhadap seseorang. Jika dia mempunyai perasaan marah terhadap seseorang, bermusuhan dan dengki, maka dia hendaklah berzikir dengan kalimah ini secara berterusan untuk meleburkan sifat-sifat ini.

Maksud ***Khalwat Dar Anjuman*** adalah bahawa hati Salik pada setiap masa dalam setiap hal keadaan hendaklah menyibukkan dirinya dengan Allah dan setiap waktu hendaklah bertawajjuh terhadap Allah Ta'ala. Janganlah lalai walau untuk sekelip mata pun. Mungkin pada waktu tertentu, kamu sedang bertawajjuh kepadaNya dan kamu tidak menyedarinya. Kerana itulah dikatakan bahawa Sufi juga bercampur-gaul dengan makhluk dan adakalanya menjauhi diri dari mereka. Dengan iktibar pada zahirnya, mereka bercampur-gaul pada pandangan zahir, namun pada iktibar batinnya mereka adalah tidak berpisah dariNya. Adapun Hadhrat Khwajah Bahauddin Naqshbandi Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu telah berkata bahawa ayat Al-Quran, **"Lelaki yang tiada dilalaikan oleh perniagaan dan jual-beli dari mengingati Allah"** adalah mengisyaratkan kepada hal keadaan ini. Sebenarnya memakai pakaian Para Darwish pada setiap waktu dan menyibukkan diri secara zahir selalunya seolah-olah riak dan menunjuk-nunjuk. Oleh itu, jalan yang terbaik adalah hendaklah berpakaian dengan pakaian Para 'Ulama dan orang-orang Salih dan pada hatinya setiap waktu hendaklah sentiasa bertawajjuh terhadap Allah Ta'ala.

Hadhrat Khwajah 'Ali Ramitani Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu telah berkata,

"Hendaklah memerhatikan kepada perkara dalaman dan janganlah memberikan Tawajjuhmu kepada perkara yang zahir dan luaran dan hendaklah tenggelam dalam Tawajjuh yang sedemikian."

**Yad Kard** bermaksud berzikir mengingati Allah Ta'ala. Zikirnya samada Ismu Zat atau Nafi Itsbat sebagaimana yang telah dijelaskan secara Tafsil dalam sungai yang pertama kerana dengan zikir sahaja yang akan mewajibkan ahwal Fana dan Baqa dan dengan zikir sahaja yang akan membawa seseorang itu sampai kepada Allah Ta'ala.

Syair:

***Berzikirlah, kerana dengan Zikir kamu akan menjadi hidup;***
***Kesucian hati akan terhasil dengan Zikir mengingati Allah.***

Firman Allah Ta'ala:

**"Dan berzikirlah mengingati Allah sebanyak-banyaknya, mudah-mudahan kamu mendapat kejayaan."** Ayat ini mentasdiqkan apa yang telah diperkatakan.

***Baz Gasht*** adalah bermaksud setelah berzikir beberapa lama, hendaklah berdoa dan bermunajat kepada Allah Ta'ala bahawa:

**"Wahai Tuhanku Engkaulah Maksudku, telah ku lepaskan ingatanku terhadap dunia dan akhirat, kurniakanlah nikmatMu ke atasku dengan sempurna dan rezekilahlah kepadaku kesampaian Wusul yang sempurna ke Hadhratmu."**

Dalam zikir, perkara ini merupakan syarat yang paling utama. Janganlah sesekali melalaikannya kerana ia merupakan sumber faedah yang sangat besar. ***Nigah Dasyat*** bermaksud memelihara hati dari sebarang Khatrah dan was-was dan sebarang gambaran. Salik hendaklah dengan sedar jangan membiarkan Khatrah dan was-was melintas di dalam hatinya dan hendaklah dia mengeluarkannya dari hatinya. Di dalam Tariqat ini, hendaklah memilih untuk menghindarkan segala Khatrah yang datang kerana ia akan menghasilkan keupayaan Jam'iyyat dan ketenteraman dan apabila keupayaan Jam'iyyat sudah terhasil yakni pada Qalb benar-benar telah lenyap segala lintasan Khatrah, maka Fana Qalb pun terhasil. Walaubagaimanapun, pada otak masih lagi terdapat sesuatu lintasan Khatrah. Sesudah Fana Nafs, Khatrah ini juga akan terhindar dari otaknya. Hendaklah mengkhayalkan juga bahawa pada lintasan Khatrah Idraknya, juga tiada lagi datang sebarang Khatrah. Adalah suatu perkara yang menghairankan bahawa Khatrah sama sekali telah dapat dilenyapkan yang pada asalnya adalah tidak masuk akal. Akan tetapi, jalan Para-para Rakan Allah Ta'ala adalah tinggi yang mengatasi akal and pemerhatian.

Sebagaimana Hadhrat Maulana Jalalluddin Rumi Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu telah berkata,

***"Kerana itulah atas hal keadaan mereka janganlah dikiaskan."***

Janganlah mengkiaskan pekerjaan kamu dengan pekerjaan yang telah dilakukan oleh para Masyaikh. Meskipun harimau dan gambar harimau nampaknya sama sahaja, tetapi pada pengertian makna dan hakikatnya adalah sangat jauh berbeza.

## 6.2 Empat Jenis Fana

Ketahuilah bahawa Fana terbahagi kepada empat jenis:

1. **Fana Khalaq** – Bahawa tiada lagi sebarang harapan dan pergantungan dengan yang selain Allah.
2. **Fana Hawa** – Bahawa di dalam hati tiada lagi sebarang pengharapan kecuali mengharapkan Allah Ta'ala. Bagaimanakah untuk mententeramkan hati? Bahawa setiap waktu hati sentiasa menuntut untuk mengharapkan Tuhannya.
3. **Fana Iradah** – Bahawa dari Salik akan terhindarlah segala sifat berkehendak dan berkeinginan sebagaimana seorang yang sudah mati yang tiada lagi kehendak dan keinginan.
4. **Fana Fi'il** – Bahawa denganKu dia melihat, denganKu dia mendengar, denganKu dia dapat berkata-kata dan denganKu dia berjalan dan denganKu dia berfikir. Kaifiyat-kaifiyat ini akan datang menduduki batinnya. Ilmu-ilmu Haqq Ta'ala lenyap dalam Ilmu Sufi akan tetapi orang ramai tidak dapat memahami perkataan-perkataan ini.

## 6.3 Sepuluh Maqamat

Terdapat sepuluh Maqamat yang utama iaitu:

***1. Taubat***
***2. Inabat***
***3. Zuhud***
***4. Qana'at***
***5. Wara'***
***6. Sabar***
***7. Syukur***
***8. Tawakkal***
***9. Taslim***
***10. Redha***

Ianya merupakan Maqam-maqam yang mana tanpa menghasilkannya, untuk berjaya mencapai Maqam Wilayat adalah mustahil dan tidak dapat digambarkan. Meskipun secara Ijmal, namun penghasilannya adalah sangat perlu sebagaimana di dalam Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah. Kerana itulah sebagai menurut penjelasannya di dalam Khandan Silsilah ini, nisbatnya adalah secara Ijmali dan Jazbi. Di dalam Tariqat-tariqat yang lain, persiaran Sayrnya adalah secara Suluki dan persiaran Sayr Suluki adalah sangat Tafsili atau dilakukan secara satu-persatu dengan mendalam. ***Yad Dasyat*** adalah bermaksud bahawa hendaklah mengosongkan ingatan dari sebarang lafaz-lafaz dan khayalan-khayalan lalu memberikan Tawajjuh kepada Zat Allah Ta'ala yang tanpa apa dan bagaimana. Perkara yang sebenarnya adalah Tawajjuh yang sebegini hanya akan terhasil sesudah mencapai Fana yang lengkap dan Baqa yang sempurna. ***Wuquf Zamani*** pengertian maknanya telah pun diterangkan. Yang dimaksudkan oleh ***Wuquf 'Adadi*** adalah ketika melakukan Zikir Nafi Itsbat, hendaklah memerhatikan bilangan yang ganjil sebagaimana yang telah diterangkan dalam Sungai pertama. ***Wuquf Qalbi*** adalah nama bagi Tawajjuh yang diberikan ke arah hati yang terletak di bawah tetek kiri. Hikmat Tawajjuh ini adalah sebagaimana kesan Dharab pukulan dalam Tariqat Qadiriyyah seperti yang telah dijelaskan dalam Sungai Kedua.

## 6.4 Kaedah-kaedah Ajaib Para Masyaikh Naqshbandiyyah

Ketahuilah bahawa di kalangan para Masyaikh Naqshbandiyah, mereka memiliki kekuatan Tasarruf yakni mengubah atau mempengaruhi yang ajaib dan pelik. Kegiatan ajaib dan pelik ini berpunca dari menumpuan Tawajjuh mereka. Misalnya, untuk mendapatkan sesuatu kehendak atau hajat, mereka menghimpunkan Himmat kesungguhan, maka kesan tersebut akan berlaku sesuai menurut Himmat kesungguhan mereka. Misalnya:

1) Memberikan kesan kepada seseorang penuntut.
2) Menghilangkan penyakit dari seseorang pesakit.
3) Menjadikan seorang yang berdosa untuk bertaubat.
4) Mempengaruhi hati orang ramai sehingga mereka akan tumbuh rasa kasih dan menghormati dan akhirnya datang gambaran peristiwa-peristiwa yang besar-besar.
5) Mengetahui tentang nisbat dan dan khabar Para Masyaikh yang hidup atau yang sudah meninggal di dalam kubur.
6) Mengetahui segala keinginan dan kehendak di dalam hati manusia.
7) Tersingkapnya peristiwa-peristiwa yang akan terjadi.
8) Menghindarkan bala musibah yang akan turun dan sebagainya.

Kesemua ini adalah di antara kekhususan yang terdapat pada singa-singa Silsilah 'Aliyyah ini.

**Catitan:**
Kegiatan dan amalan ini adalah di kalangan Masyaikh Tariqat Naqshbandiyyah yang telah mencapai Fana dan Baqa dengan Allah Ta'ala dan amalan ini memberikan kesan yang amat besar.

**Syair:**

***Kafilah para tentera Hadhrat Naqshbandiyyah adalah sangat ajaib;***
***Ia dengan jalan rahsia yang membawa kafilah ke Tanah Haram yang suci.***

Di dalam hati Salik yang menjalani Tariqat ini, dengan mencintai Para Masyaikh Naqshbandiyyah akan terhasillah padanya Jazbah sebagaimana yang terhasil pada orang yang melakukan Khalwat 10 hari atau Chillah 40 hari. Seseorang yang tidak mengetahui tentang Taifah Tariqat ini lalu mencelanya, maka perkara ini hendaklah dilapurkan. Di mana-mana bahagian dunia ini, singa silsilah ini sedang berjalan. Bagaimanakah mungkin seekor musang hendak memecahkan silsilah ini? Ke atas mereka semua Allah Ta'ala telah menurunkan Rahmat.

**Cara Memberikan Tawajjuh**

Cara untuk memberikan Tawajjuh kepada para penuntut, maka Syaikh hendaklah memberikan Tawajjuh kepada Nafs dirinya dalam nisbat tersebut dan dengan sepenuh kekuatan serta Tawajjuh yang sempurna hendaklah memindahkan nisbat tersebut kepada penuntutnya. Adapun nisbat tersebut akan berpindah kepada penuntut menurut kesanggupan penuntut itu. Ketika penuntutnya tiada, maka hendaklah menggambarkan rupanya dan memberikan Tawajjuh kepadanya secara ghaib dan pekerjaan tersebut juga akan menghasilkan kejayaan. Begitu juga dalam setiap pekerjaan sukar yang datang kepadanya, maka untuk menyelesaikannya hendaklah memberikan Himmat kesungguhan dan memohon pertolongan Madad dari Allah Ta'ala dan pekerjaan tersebut akan selesai menurut pengharapannya.

**Untuk Mengetahui Nisbat Ahlullah**.

Caranya adalah seperti berikut, jika sekiranya Ahlullah itu masih hidup maka hendaklah berhadapan dengannya. Jika sudah mati hendaklah duduk berdekatan dengan kuburnya. Hendaklah mengosongkan sebarang nisbat pada Ruhnya dan menghubungkan Ruhnya dengan Ruh penghuni kubur dan memberikan Tawajjuhnya ke arah Ruh Ahlullah tersebut. Apa juga kaifiyat yang berlaku itu adalah merupakan nisbat Ahlullah tersebut.

**Untuk Mengetahui Lintasan Hati Seseorang**

Caranya adalah seperti berikut, hendaklah mengosongkan dirinya dari segala lintasan perkara lalu menghubungkan jiwanya dengan jiwa orang yang dikehendaki tersebut. Jika terdapat sebarang perkataan yang muncul di dalam fikiran, maka itu adalah lintasan Khatrah Qalbi di dalam hati orang tersebut.

**Untuk Mengetahui Perkara Yang Akan Berlaku.**

Caranya adalah seperti berikut, hendaklah mengosongkan atau menghentikan jiwanya dari sebarang perkara dan menantikan limpahan maklumat peristiwa yang dituntut. Apabila gambaran segala bisikan lain telah terputus dan hanya menantikan limpahan, maka dirinya akan beserta dengan malaikat yang mulia. Insya Allah, peristiwa tersebut akan tersingkap padanya menerusi mimpi atau ketika jaganya.

**Untuk Menghentikan Bala Musibah Yang Akan Turun**.

Hendaklah memerhatikan bala tersebut dalam gambaran rupa misaliyah lalu untuk menghindarkannya hendaklah memberikan Tawajjuh dengan himmah kesungguhan yang kuat memohon pertolongan madat dari Allah Ta'ala. Insya Allah, bata tersebut akan terhindar.

# 7. SHAJARAH TAYYIBAH

## 7.1 Silsilah Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah

1) Hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah saw
2) Hadhrat Abu Bakar As-Siddiq rad
3) Hadhrat Salman Al-Farisi rad
4) Hadhrat Imam Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar rad
5) Hadhrat Imam Ja'afar rad
6) Hadhrat Khwajah Abu Yazid Bistami rah
7) Hadhrat Khwajah Abul Hassan Kharqani rah
8) Hadhrat Khwajah Abu 'Ali Faramadi rah
9) Hadhrat Khwajah Yusof Hamdani rah
10) Hadhrat Khwajah 'Abdul Khaliq Ghujdwani rah
11) Hadhrat Khwajah 'Arif Riwagari rah
12) Hadhrat Khwajah Mahmud Anjir Faghnawi rah
13) Hadhrat Khwajah 'Azizan Ali Ramitani rah
14) Hadhrat Khwajah Muhammad Baba Sammasi rah
15) Hadhrat Khwajah Sayyid Amir Kullal rah
16) Hadhrat Khwajah Shah Bahauddin Naqshband rah
17) Hadhrat Khwajah 'Alauddin 'Attar rah
18) Hadhrat Khwajah Ya'qub Charki rah
19) Hadhrat Khwajah 'Ubaidullah Ahrar rah
20) Hadhrat Khwajah Muhammad Zahid rah
21) Hadhrat Khwajah Darwish Muhammad rah
22) Hadhrat Maulana Khwajah Khwajagi Amkangi rah
23) Hadhrat Khwajah Muhammad Baqi Billah rah
24) Hadhrat Khwajah Mujaddid Alf Tsani Syeikh Ahmad Faruqi Sirhindi rah
25) Hadhrat Khwajah Muhammad Ma'sum rah
26) Hadhrat Khwajah Syeikh Saifuddin rah
27) Hadhrat Khwajah Sayyid Nur Muhammad Budayuni rah
28) Hadhrat Khwajah Mirza Mazhar Jan Janan Syahid rah
29) Hadhrat Maulana Khwaja Shah 'Abdullah Ghulam 'Ali Dehlawi rah
30) Hadhrat Khwajah Shah Ahmad Sa'id rah
31) Hadhrat Khwajah Shah Abu Sa'id rah

# 7.2 Silsilah Tariqat Qadiriyyah

1) Hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam
2) Hadhrat Sayyidina Ali Karramallahu Wajhah
3) Hadhrat Imam Hassan Radhiyallahu 'Anhu
4) Hadhrat Imam Hussain Radhiyallahu 'Anhu
5) Hadhrat Imam Zain Al-'Abidin
6) Hadhrat Imam Muhammad Baqir
7) Hadhrat Imam Ja'afar Sadiq
8) Hadhrat Imam Musa Kazhim
9) Hadhrat Imam Musa Redha
10) Hadhrat Khwajah Ma'aruf Kharki
11) Hadhrat Khwajah Sirri Saqati Al-Baghdadi
12) Hadhrat Sayyid At-Taifah Junaid Al-Baghdadi
13) Hadhrat Syaikh Abu Bakar Shibli
14) Hadhrat Syaikh 'Abdul 'Aziz Tamimi
15) Hadhrat Syaikh 'Abdul Wahid
16) Hadhrat Syaikh Abul Farrad Tartusi
17) Hadhrat Syaikh Abul Hassan Quraisy
18) Hadhrat Abu Sa'id Makhzumi
19) Hadhrat Piran Pir Dastagir Ghauts A'zham Sayyid Muhyiuddin Abdul Qadir Jailani
20) Hadhrat Shah 'Abdul Razzaq
21) Hadhrat Sharafuddin Quttal
22) Hadhrat Sayyid 'Abdul Wahhab
23) Hadhrat Sayyid Bahauddin
24) Hadhrat Sayyid 'Aqil
25) Hadhrat Sayyid Shamsuddin Shahrani
26) Hadhrat Sayyid Abul Hassan
27) Hadhrat Sayyid Gudar Rahman Awwal
28) Hadhrat Sayyid Shamsuddin 'Arif
29) Hadhrat Gudar Rahman Tsani
30) Hadhrat Shah Fadzhal
31) Hadhrat Shah Kamal Kathayli
32) Hadhat Shah Sikandar

33) Hadhat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Sirhindi
34) Hadhat Syaikh Muhammad Sa'id
35) Hadhat Syaikh 'Abdul Ahad
36) Hadhat Syaikh Muhammad 'Abid Sanami
37) Hadhat Shamsuddin Habibullah Mirza Jan Janan
38) Hadhat Mujaddid Miata Tsalitsata 'Ashara Hadhrat Maulana Shah Ghulam 'Ali
39) Hadhat Shah Abu Sa'id rah
40) Hadhat Shah Ahmad Sa'id rah

## 7.3 Silsilah Tariqat Chishtiyyah

1) Hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam
2) Hadhrat Sayyidina Ali Karramallahu Wajhah
3) Hadhrat Khwajah Hassan Basri
4) Hadhrat Syaikh 'Abdul Wahid bin Zaid
5) Hadhrat Syaikh Fudhail Bin 'Iyadh
6) Hadhrat Syaikh Sultan Ibrahim Adham
7) Hadhrat Syaikh Huzaifah Mar'asyi
8) Hadhrat Syaikh Ubairah Bashri
9) Hadhrat Syaikh Ulu Dinauri
10) Hadhrat Syaikh Abu Ishaq Shamsi
11) Hadhrat Syaikh Abu Ahad Chishti
12) Hadhrat Syaikh Abu Muhammad Chishti
13) Hadhrat Syaikh Abu Yusuf Chishti
14) Hadhrat Syaikh Maudud Chishti rah
15) Hadhrat Syaikh Hafi Syarif Zamdani
16) Hadhrat Syaikh 'Utsman Haruni
17) Hadhrat Syaikh Qutub Hindustan Khwajah Muhyiyuddin Chisti Sanjari
18) Hadhrat Khwaja Qutbuddin Bakhtiar Kaki Ushi
19) Hadhrat Syaikh Fariruddin Mas'ud Ganj Shakar
20) Hadhrat Syaikh 'Alauddin Alim Ahmad Sabiri
21) Hadhrat Syaikh Shamsuddin Turk Panipati
22) Hadhrat Syaikh Jalaluddin Panipati
23) Hadhrat Syaikh Ahmad 'Abdul Haqq
24) Hadhrat Syaikh Muhammad 'Arif
25) Hadhrat Syaikh 'Abdul Quddus Gangohi
26) Hadhrat Syaikh Ruknuddin
27) Hadhrat Syaikh Makhdom 'Abdul Ahad
28) Hadhrat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Sirhindi
29) Hadhrat Syaikh Muhammad Sa'id
30) Hadhrat Syaikh 'Abdul Ahad
31) Hadhrat Syaikh Muhammad 'Abid
32) Hadhrat Syaikh Shamsuddin Mirza Jan Janan

33) Hadhrat Syaikh 'Abdullah Ghulam Ali Dehlawi

34) Hadhrat Syaikh Shah Abu Sa'id

35) Hadhrat Shah Ahmad Sa'id

***"Ya Allah, rahmatilah dan kurniakanlah CintaMu dan MakrifatMu kepada hamba yang faqir ini serta kurniakanlah nisbat khas Para Masyaikh ini dengan cemerlang dan kurniakanlah keredhaanMu kepadaku dan kurniakanlah kesempurnaan dan keberkatan sekalian Para Masyaikh ini, Amin."***

*Tammat Bil-Khair*